



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012**

Aktiviti Kementerian/Jabatan/  
Agensi Dan Pengurusan  
Syarikat Kerajaan

**NEGERI SABAH**

**SIRI 2**







# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012**

---

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SABAH**

**SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH	3
Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah	
JABATAN PERHUTANAN NEGERI	24
Pengurusan Lesen Kilang Memproses Kayu Kayan	
JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK	39
Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan	
LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR	58
Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd.	
KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH	69
Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.	
<b>PENUTUP</b>	89





---

## KATA PENDAHULUAN



## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.
4. Sebanyak 4 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 3 lagi aktiviti dan 2 pengurusan syarikat iaitu Pengurusan

Penyenggaraan Jalan Raya, Pengurusan Lesen Kilang Memproses Kayu Kayan dan Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan serta pengurusan Syarikat Agensi Kerajaan Negeri iaitu Superpanel Sdn. Bhd. dan Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 19 syor untuk diambil tindakan Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Agensi Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

5 Jun 2013



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

#### - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah

1.1. Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) telah melantik Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. (Konsesi) secara rundingan terus untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan di kawasan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah menggunakan kaedah *performance-based*. Penyenggaraan secara *performance-based* adalah melibatkan perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan yang dirancang sendiri oleh pihak Konsesi bagi memastikan matlamat Kerajaan Negeri tercapai iaitu keadaan jalan raya berada dalam keadaan baik serta selamat digunakan oleh orang awam. Kontrak yang melibatkan kerja-kerja penyenggaraan untuk jalan telah ditandatangani pada 4 April 2002 bagi *Qualifield Roads* (QR). Tempoh kontrak untuk QR adalah selama 10 tahun iaitu bermula pada tahun 2002 sehingga 2012. Bagi tempoh 2008 sehingga 2012, Kerajaan telah meluluskan kontrak QR secara keseluruhannya berjumlah RM772.11 juta yang melibatkan jalan sepanjang 29,998 km.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati pihak Konsesi telah menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan secara rutin dan berkala ke atas jalan raya Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dengan baik kerana daripada 149 km sampel jalan yang dipilih, 108.47 km atau 72.79% telah disenggara mengikut kontrak. Manakala 40.53 km atau 27.21% yang tidak disenggara mengikut kontrak sepenuhnya, keadaan seperti berikut telah dikenal pasti:

- Kerja tampalan jalan lewat dilaksanakan.
- Kerja penyenggaraan parit tidak dilaksana.
- Kerja penyenggaraan jambatan tidak dilaksana.
- Permukaan jalan rosak tidak dibaiki.
- Pemantauan dibuat tidak menyeluruh.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan agar tidak berulang, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan Negeri Sabah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

1.3.1. Memastikan Laporan *Road Maintenance Information System* (RMIS) yang dikemukakan setiap bulan oleh pihak Konsesi kepada Unit Khas Pemantauan Projek Kementerian Kewangan (UKP) disemak bagi mengesahkan tindakan telah diambil.

**1.3.2.** Memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh pihak Konsesi dilaksanakan mengikut tempoh, syarat dan spesifikasi kontrak.

**1.3.3.** Memastikan UKP menyediakan program pemantauan dan dilaksanakan secara teratur dan berkala. Selain itu, Wakil Pengarah Projek (WPP) perlu menghantar laporan pemantauan setiap bulan ke UKP.

## **2. JABATAN PERHUTANAN NEGERI**

### **- Pengurusan Lesen Kilang Memproses Kayu Kayan**

**2.1.** Jabatan Perhutanan Negeri Sabah (Jabatan) adalah pihak yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran lesen bagi kilang memproses kayu-kayan di Negeri Sabah berdasarkan Seksyen 42(e)(i), Enakmen Hutan Negeri Sabah, 1968 dan Peraturan 19(1), Peraturan Hutan, 1969. Oleh itu semua kilang memproses kayu-kayan yang melibatkan atau menggunakan pakai mesin/jentera/alat untuk proses mekanikal dalam apa bentuk sekalipun di atas sebidang tanah adalah perlu dilesenkan dengan kadar bayaran lesen yang ditetapkan dan hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Sehingga tahun 2012, sebanyak 426 lesen telah dikeluarkan oleh Jabatan dengan hasil kutipan lesen berjumlah RM1.9 juta.

**2.2.** Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati, pengurusan lesen kilang memproses kayu kayan di Negeri Sabah adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Syarat lesen yang ditetapkan tidak dipatuhi.
- Buku daftar pemeriksaan tidak diselenggara.
- Jadual pemantauan dan laporan pemeriksaan mengejut tidak disediakan.

**2.3.** Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan lesen kilang memproses kayu kayan di Negeri Sabah, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah mengambil tindakan seperti berikut:

**2.3.1.** Merangka satu Pelan Strategik untuk memastikan Jabatan mempunyai sasaran, hala tuju dan rancangan masa akan datang terhadap industri perkayuan khususnya terhadap kilang-kilang memproses kayu kayan.

**2.3.2.** Menyediakan Jadual Pemantauan secara berkala serta menyediakan satu Daftar Pemeriksaan bagi merekod lawatan atau pemeriksaan yang dijalankan.

**2.3.3.** Meningkatkan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

### **3. JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK**

#### **- Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan**

**3.1.** Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (Jabatan) merupakan agensi yang bertanggungjawab menyediakan infrastruktur, mengurus dan memantau rumah penyembelihan haiwan (RPH) di Negeri Sabah. Setakat 2012, terdapat 46 buah RPH di seluruh Negeri Sabah yang terdiri daripada 10 RPH untuk menyembelih ternakan ruminan, 28 RPH untuk menyembelih ayam dan 8 RPH untuk menyembelih khinzir. Sebanyak 34 RPH dimiliki oleh pihak swasta daripada keseluruhan RPH di Negeri Sabah.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati, pengurusan RPH telah dilaksanakan dengan memuaskan kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

- *Sabah Meat Technology Centre* (SMTC) beroperasi di bawah kapasiti sebenar
- Rumah penyembelihan haiwan Kerajaan tidak beroperasi
- Rumah penyembelihan haiwan Kerajaan yang tidak beroperasi tidak disenggara
- Peralatan rumah penyembelihan haiwan Kerajaan dibeli tidak digunakan
- Khidmat pemeriksaan daging di rumah penyembelihan haiwan swasta tidak dilaksanakan secara menyeluruh
- Hasil sewa rumah penyembelihan haiwan Kerajaan tidak dikutip
- Rumah penyembelihan haiwan tanpa lesen
- Pelepasan sisa cecair kumbahan tidak mematuhi Standard Parameter

**3.3.** Bagi memastikan pengurusan rumah penyembelihan haiwan dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) mengambil langkah berikut:

**3.3.1.** Mempromosi dan menggalakkan penternak dan individu untuk menyembelih haiwan ternakan di rumah penyembelihan haiwan kerajaan dan swasta yang berlesen.

**3.3.2.** Menyewakan rumah penyembelihan haiwan kerajaan kepada pihak swasta yang berminat.

**3.3.3.** Merancang pembelian peralatan dengan teliti untuk memastikan peralatan yang dibeli digunakan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran dan kehilangan.

**3.3.4.** Melaksanakan khidmat pemeriksaan daging secara menyeluruh.

**3.3.5.** Memastikan hasil dikutip dan memeterai perjanjian kontrak penyewaan rumah penyembelihan haiwan.

**3.3.6.** Melaksanakan penguatkuasaan veterinar dengan pemeriksaan secara berkala terhadap rumah penyembelihan haiwan kerajaan dan swasta. Menambah klausula mengenakan denda terhadap rumah penyembelihan haiwan yang beroperasi tanpa lesen dan melepaskan sisa cecair kumbahan yang tidak mematuhi standard parameter ke sungai.

#### **4. LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR**

- **Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd.**

**4.1.** Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd. (Superpanel) adalah sebuah syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) iaitu sebuah Agensi Kerajaan Negeri Sabah. Superpanel ditubuhkan pada 8 Julai 1978 di bawah Akta Syarikat 1965. Modal saham dibenarkan adalah berjumlah RM2 juta dan modal saham berbayar adalah berjumlah RM0.90 juta. Objektif penubuhan Superpanel adalah untuk membantu LPPB dalam merancang dan membangunkan skim perumahan untuk rakyat. Aktiviti utama Superpanel adalah pengurusan hartanah. Selain itu, terdapat juga aktiviti sampingan seperti pengurusan penjualan besi lusuh dan sebagai agen insurans untuk menambah pendapatan Superpanel.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga bulan Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Superpanel adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011. Kerugian terkumpul setakat penyata kewangan 2011 adalah berjumlah RM1.97 juta. Selain itu, analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati nisbah kecekapan, margin keuntungan dan kestabilan menunjukkan kedudukan kewangan yang tidak stabil. Pengurusan aktiviti hartanah pula adalah kurang memuaskan kerana objektif utama Superpanel untuk membantu LPPB merancang dan membangunkan skim perumahan untuk rakyat belum terlaksana. Bagaimanapun, Superpanel telah berusaha ke arah memulihkan prestasi syarikat dengan melibatkan diri dalam projek perumahan milik LPPB. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pengurusan hartanah untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011 tidak berdaya maju dan aktiviti terhad.
- Bilangan *corporate nominee* sebagai agen insurans tidak mencukupi.
- Pembelian dan penjualan besi lusuh melalui agen tidak memberi pulangan maksimum kepada Superpanel.
- Prestasi kewangan adalah kurang memuaskan dari aspek kecekapan dan kestabilan.
- *Standard Operating Procedures* (SOP) tidak disediakan.
- Pengurusan sumber manusia dan aset kurang teratur.

**4.3.** Bagi memantapkan pengurusan Superpanel dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

**4.3.1.** Aktiviti Superpanel perlu ditingkatkan agar dapat bersaing di pasaran tempatan dan seterusnya menjana dan meningkatkan pendapatan Superpanel.

**4.3.2.** Superpanel perlu menyediakan *Standards Operating Procedures* (SOP) yang lengkap dan kemas kini bagi memastikan pengurusan aktiviti dan kewangan adalah teratur dan mematuhi peraturan serta prosedur yang ditetapkan.

**4.3.3.** Sistem fail perlu dikemas kini untuk memastikan semua dokumen rasmi disimpan dalam fail dan mempunyai nombor folio untuk memudahkan rujukan dibuat.

## **5. KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH**

- **Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.**

**5.1.** Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA) telah ditubuhkan pada 5 Februari 1982 di bawah Akta Syarikat 1965. SAFMA merupakan anak syarikat Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal saham dibenarkan adalah berjumlah RM72 juta dan modal saham berbayar adalah sebanyak RM71.07 juta. SAFMA ditubuhkan hasil cetusan dan penilaian bersama antara Bank Pembangunan Asia dan Kerajaan Negeri Sabah terhadap pembangunan industri perikanan di Sabah. Objektif penubuhan SAFMA adalah mengembang dan membangunkan industri perikanan di Sabah iaitu merangkumi aspek penyediaan infrastruktur perikanan seperti jeti pendaratan ikan dan kilang ais, industri perikanan komersial dan memberi serta menyedia khidmat sokongan dari segi pemasaran dan penjualan hasil tangkapan para nelayan.

**5.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan kecuali liabiliti semasa melebihi jumlah keseluruhan aset syarikat dan kerugian terkumpul melebihi modal syarikat. Bagaimanapun, prestasi kewangan SAFMA bertambah baik dengan mencatatkan keuntungan sejumlah RM16.51 juta pada tahun 2011. Pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

- Tunggakan sewa Kompleks Perikanan Semporna bagi tempoh 2005 hingga 2011 berjumlah RM1.16 juta belum dibayar oleh penyewa.
- *Standard Operating Procedures* dan *Terms And Condition Of Service* tidak kemas kini.
- Pembayaran bonus tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.
- Pengurusan aset kurang memuaskan.

**5.3.** Bagi memantapkan pengurusan syarikat dari aspek pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA) mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

**5.3.1.** Mempertingkatkan prestasi kewangan dan berusaha dengan lebih giat untuk mengurangkan defisit ekuiti.

**5.3.2.** Mempergiatkan lagi pemantauan terhadap pengurusan aktiviti utama supaya kelemahan yang wujud dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera.

**5.3.3.** Mengambil tindakan segera terhadap perkara berbangkit dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

**5.3.4.** Mempertingkatkan pemantauan terhadap anak syarikat agar anak syarikat dapat menyumbang pendapatan kepada SAFMA melalui pembayaran dividen.



---

# AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



# AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

## KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

### 1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN MAJLIS PERBANDARAN DAN MAJLIS DAERAH

#### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS) telah melantik Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd (Konsesi) secara rundingan terus untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan di kawasan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah menggunakan kaedah *performance-based*. Penyenggaraan secara *performance-based* adalah melibatkan perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan yang dirancang sendiri oleh pihak Konsesi bagi memastikan matlamat Kerajaan Negeri tercapai. Kontrak yang melibatkan kerja-kerja penyenggaraan jalan telah ditandatangani pada 4 April 2002 bagi *Qualifield Roads* (QR). QR adalah jalan-jalan Negeri di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan Datuk Bandar Kota Kinabalu yang telah didaftarkan di bawah *Malaysia Road Records Information System* (MARRIS) setelah mencapai standard jalan yang ditetapkan. Kontrak untuk QR adalah selama 10 tahun iaitu bagi tempoh tahun 2002 sehingga 2012. Bagaimanapun, setiap tahun kontrak akan ditandatangani berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan mengikut panjang jalan yang disenggara dan spesifikasi kerja yang perlu dilaksanakan bagi tahun semasa. Jalan yang telah dinaik taraf QR dimasukkan ke dalam sistem maklumat rekod jalan iaitu MARRIS.

1.1.2. Objektif penyenggaraan jalan adalah bagi memastikan kualiti jalan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh orang awam dengan melaksanakan penyenggaraan secara rutin dan berkala. Penyenggaraan rutin dan berkala dilaksanakan berdasarkan hasil pemantauan dan penemuan oleh pihak Konsesi terhadap keadaan jalan sedia ada untuk disenggara mengikut keperluan. Bagi tujuan tersebut, pihak Konsesi telah membangunkan *Road Maintenance Information system* (RMIS) untuk merancang, menjadual dan memantau aktiviti penyenggaraan. Selain itu, aduan awam dijadikan asas oleh pihak konsesi untuk merancang dan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan. Manakala jalan yang baru dibina atau dinaik taraf semasa tempoh kontrak perlu disenggara secara berkala selepas 10 tahun. Pihak Konsesi bertanggungjawab untuk mengekalkan dan membaik pulih jalan, perabot jalan, jambatan dan *culvert* yang merangkumi skop kerja seperti di **Jadual 1.1**, supaya pengguna selesa dan selamat menggunakan. Kekerapan penyenggaraan jalan dan lain-lain penyenggaraan yang dinyatakan dalam skop kerja bergantung kepada laporan pemeriksaan oleh pihak konsesi dan Wakil Pengarah Projek (WPP).

**Jadual 1.1**  
**Skop Kerja Penyenggaraan Oleh Pihak Konsesi**

Bil.	Jenis Penyenggaraan	
	Rutin	Berkala
1.	Tampal Jalan	<i>Pavement Resurfacing</i>
2.	<i>Regrading</i> Jalan/Bahu Jalan	<i>Surface Dressing</i>
3.	Potong Rumput Bahu Jalan	<i>Regravelling</i>
4.	Menyenggara Perabot Jalan	<i>Relatering</i>
5.	Menyenggara Jambatan	
6.	Menyenggara Garisan Jalan	
7.	Mencuci Longkang Tepi Jalan	

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

**1.1.3.** Bagi tempoh 2008 sehingga 2012, Kerajaan telah meluluskan kontrak QR secara keseluruhannya berjumlah RM772.11 juta dengan menggunakan peruntukan Geran Pemberian Jalan Raya Negeri (*State Road Grant*) daripada Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja penyenggaraan rutin dan berkala yang melibatkan jalan sepanjang 29,998 km seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Nilai Kontrak Bagi Tempoh 2008 Hingga 2012**

Tahun	QR	Panjang Jalan Raya (KM)
	Diluluskan (RM Juta)	
2008	174.21	5,711
2009	144.10	5,798
2010	150.39	6,099
2011	148.22	6,099
2012	155.19	6,291
<b>Jumlah</b>	<b>772.11</b>	<b>29,998</b>

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

**1.1.4.** Pelaksanaan keseluruhan penyenggaraan oleh Konsesi dipantau oleh Unit Khas Pemantauan Projek Kementerian Kewangan (UKP) yang diketuai oleh Pengarah Projek (Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Bahagian Pembangunan). Manakala di peringkat daerah pemantauan dibuat oleh WPP. UKP merupakan Unit Teknikal yang ditubuhkan untuk melicinkan, menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Penyenggaraan Jalan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah selama tempoh Konsesi. UKP bertanggungjawab memastikan semua syarat dan spesifikasi kontrak penyenggaraan jalan dipatuhi serta memantau secara *random* aktiviti kerja yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Konsesi.

**1.1.5.** Selain itu, pihak Konsesi juga melantik Juruperunding yang telah dipersetujui oleh KKNS untuk memantau serta membuat pengesahan terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan sebelum mengemukakan tuntutan pembayaran. Juruperunding yang dilantik untuk kontrak penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi adalah seperti di **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Juruperunding Yang Dilantik**

Bil.	Juruperunding	Daerah Seliaan
1.	Konsultant Kumpulan (MT) Sdn. Bhd.	Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang dan Papar.
2.	Jurutera Perunding BMSS Sdn. Bhd.	Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak.
3.	CK Perunding	Keningau, Tambunan, Tenom dan Pensiangan.
4.	Sabah Projek Konsultant	Sandakan, Labuk Sugut dan Kinabatangan.
5.	Jurutera Perunding Sahabat Jadi	Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu.
6.	Jurutera Perunding Bumireka	Kota Marudu, Kudat dan Pitas.

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Pihak Konsesi

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan jalan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah oleh pihak Konsesi diuruskan dengan cekap, teratur dan berkesan.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap pengurusan dan kerja penyenggaraan rutin, berkala dan kecemasan yang dilaksanakan oleh pihak Konsesi bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012. Pemeriksaan dijalankan terhadap kontrak, rekod dan dokumen yang berkaitan di UKP, Ibu Pejabat Konsesi dan 3 cawangannya yang dipilih iaitu di daerah Lahad Datu, Sandakan dan Tawau. Lawatan bersama Pegawai Teknikal UKP dan pihak Konsesi serta Juruperunding telah dibuat berdasarkan pemilihan sampel jalan sebanyak 10% yang mewakili panjang jalan 149 km daripada 1,359 km jalan bagi 3 daerah iaitu Lahad Datu (220 km), Sandakan (481 km) dan Tawau (658 km). Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan dan kerja penyenggaraan jalan telah dilakukan. Soal selidik juga telah diedarkan kepada 160 pengguna jalan di 3 daerah yang dipilih untuk mendapat maklum balas mengenai kepuasan pengguna terhadap penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh pihak Konsesi.

## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati pihak Konsesi telah menjalankan kerja-kerja penyenggaraan jalan secara rutin dan berkala ke atas jalan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dengan baik kerana daripada 149 km sampel jalan yang dipilih, 108.47 km atau 72.79% telah disenggara mengikut kontrak. Manakala 40.53 km atau 27.21% yang tidak disenggara mengikut kontrak sepenuhnya, keadaan seperti berikut telah dikenal pasti:

- Kerja tampaian jalan lewat dilaksanakan.
- Kerja penyenggaraan parit tidak dilaksana.
- Kerja penyenggaraan jambatan tidak dilaksana.

- Permukaan jalan rosak tidak dibaiki.
- Pemantauan dibuat tidak menyeluruh.

#### **1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Dan Peningkatan Panjang Jalan**

- a. Nilai keseluruhan kontrak yang diluluskan adalah RM772.11 juta dan sejumlah RM700.14 juta atau secara purata 91% telah dibelanjakan untuk penyenggaraan jalan QR yang telah dilaksanakan bagi tempoh 2008 hingga 2012 seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
**Nilai Kontrak Diluluskan Dan Dibelanjakan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Tahun	QR			
	Panjang Jalan (KM)	Diluluskan (RM Juta)	Dibelanjakan (RM Juta)	Peratusan Dibelanjakan (%)
2008	5,711	174.21	157.46	90
2009	5,798	144.10	123.11	85
2010	6,099	150.39	139.99	93
2011	6,099	148.22	136.19	92
2012	6,291	155.19	143.39	92
<b>Jumlah</b>		<b>772.11</b>	<b>700.14</b>	<b>91</b>

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

- b. Analisis Audit mendapati pada tahun 2009, telah berlaku penurunan perbelanjaan QR iaitu sebanyak 22% berbanding tahun 2008. Penurunan ini disebabkan penyenggaraan jalan telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan serta syarikat persendirian yang menguruskan aktiviti perlادangan.
- c. Panjang jalan yang disenggara adalah berdasarkan kontrak tahunan yang telah dimeterai. Pada tahun 2008, panjang jalan yang disenggara adalah 5,711 km dan meningkat kepada 6,291 km bagi tahun 2012 iaitu pertambahan jalan sebanyak 580 km (9.8%).
- d. Panjang jalan yang disenggara telah meningkat dari tahun ke tahun disebabkan pertambahan jalan baru yang diwartakan seperti jalan di kawasan perumahan baru. Kesannya, Kerajaan dapat menyediakan keadaan jalan yang lebih baik dan selamat kepada pengguna jalan.

#### **1.4.2. Prestasi Penyenggaraan Jalan Raya**

- a. Konsesi telah membangunkan *Road Maintenance Information System* (RMIS) untuk tujuan pemantauan penyenggaraan jalan. RMIS merekodkan laporan pemeriksaan harian bagi jalan-jalan kawasan perumahan dan jalan kampung untuk memastikan kerja penyenggaraan dilaksanakan secara lebih berkesan. *Smartphone* digunakan

untuk merekodkan maklumat ke dalam RMIS tentang keadaan jalan dan tindakan yang telah diambil ke atas jalan yang mengalami kerosakan mengikut kedudukan lokasi berserta tarikh. Laporan bulanan RMIS juga dikemukakan kepada pihak UKP bagi tujuan makluman keadaan jalan yang sedang dan telah disenggara oleh pihak Konsesi. Kerja penyenggaraan seperti tampalan jalan, pembersihan parit, pemotongan rumput, menyenggara bahu jalan, menyenggara perabot serta garisan jalan dan penurapan jalan perlu disenggara mengikut syarat dan spesifikasi kontrak. Lawatan Audit terhadap 27 jalan di daerah Lahad Datu, 37 jalan di daerah Sandakan dan 25 jalan di daerah Tawau mendapati 25 jalan tidak disenggara mengikut syarat dan spesifikasi kontrak. Bayaran bulanan bagi kerja penyenggaraan jalan tersebut berjumlah RM76,119 seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**

**Senarai Jalan Yang Tidak Disenggara Mengikut Kontrak**

Daerah / Bil.	Jalan	Panjang Jalan (KM)	Kos Sebulan (RM)	Skop Kerja Penyenggaraan Rutin					
				a	b	c	d	e	f
<b>Lahad Datu</b>									
1.	Kampung Jaya Baru Tengah Nipah	0.580	1,211.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Kampung Batu 6 Segama	1.979	4,132.00	✓	x	✓	✓	✓	✓
3.	Kampung Batu 7 Segama	1.000	2,088.00	✓	x	✓	✓	✓	✓
4.	Putatan Baru 1	0.450	702.00	✓	x	✓	✓	✓	✓
5.	Jaya 3	0.120	251.00	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.	Jaya 2	0.325	679.00	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Perdana 4	0.750	1,566.00	✓	✓	x	✓	✓	✓
8.	Kampung Malai	0.280	437.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
9.	Kg. Dusun	0.330	689.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
10.	Taman Gembira 1	0.200	418.00	✓	✓	✓	✓	✓	x
11.	Taman Gembira	0.350	731.00	✓	✓	✓	✓	✓	x
12.	Jaya 7	0.400	835.00	✓	✓	✓	✓	✓	x
<b>Sandakan</b>									
13.	Kampung Jawa 2	1.200	2,505.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
14.	ILP Sandakan	1.000	2,088.00	✓	✓	✓	x	x	✓
15.	Kebun Mile 27	7.000	10,923.00	✓	✓	✓	x	✓	✓
16.	Sungai Api	6.000	9,362.00	✓	✓	✓	x	✓	✓
17.	Muara Tinosan	2.000	4,176.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
18.	Bandar Karamunting 7	0.130	271.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Tawau</b>									
19.	Kampung Batu 22	1.268	2,647.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
20.	Kampung Sungai Imam	2.465	5,147.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
21.	Kampung Pasir Putih	1.408	2,940.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
22.	Chang En Yu	1.452	3,032.00	✓	✓	✓	✓	✓	✓
23.	Balung Kokos Hujung	2.420	3,776.00	✓	✓	✓	x	✓	✓
24.	Serudung Baru	5.630	11,755.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
25.	Liew Len Loi 1	1.800	3,758.00	x	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Jumlah</b>		<b>40.533</b>	<b>76,119.00</b>						

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Penyenggaraan jalan meliputi:

a – Tampal Jalan

✓ - Patuh

b – *Regrading* Jalan/Bahu

x – Tidak Patuh

c – Menyenggara Perabot Jalan

d – Menyenggara Jambatan

e – Menyenggara Garisan Jalan

f – Mencuci Longkang Tepi Jalan

- b. Analisis Audit terhadap **Jadual 1.5** mendapati bilangan ketidakpatuhan terhadap penyenggaraan jalan yang perlu dilaksanakan adalah antara 1 hingga 2 berbanding 6 jenis penyenggaraan rutin. Analisis Audit selanjutnya mendapati peratusan ketidakpatuhan penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi adalah 24.6% seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**

Peratusan Kelemahan Penyenggaraan Jalan Raya Oleh Pihak Konsesi

Perenggan	Penemuan	Lahad Datu		Sandakan		Tawau		Peratusan Keseluruhan (%)
		Bil. Sampel Jalan = 27 Jambatan = 2	Peratusan (%)	Bil. Sampel Jalan = 37 Jambatan = 3	Peratusan (%)	Bil. Sampel Jalan = 25 Jambatan = 2	Peratusan (%)	
2.4.3.1.	Kerja Tampalan Jalan Lewat Dilaksanakan	2	7.4	1	2.7	3	12	7.4
2.4.3.2.	Perabot Dan Garisan Jalan Tidak Disenggara	2	7.4	1	2.7	0	0	3.4
2.4.3.3.	Parit Lewat Disenggara	3	11.1	0	0	0	0	3.7
2.4.3.4.	Jambatan Tidak Disenggara	2	100	3	100	2	100	100
2.4.3.5.	Kerosakan Permukaan Jalan Tidak Disenggara	3	11.1	2	2.4	3	12	8.5
<b>Jumlah</b>			<b>27.4</b>		<b>21.5</b>		<b>24.8</b>	<b>24.6</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Peratusan ketidakpatuhan penyenggaraan jalan adalah berdasarkan penemuan Audit terhadap sampel jalan yang dipilih dan hasil lawatan Audit bersama pegawai UKP, Juruperunding serta pihak Konsesi pada 17 hingga 20 Julai 2012 ke daerah Lahad Datu, 3 hingga 7 September 2012 ke daerah Sandakan dan 18 hingga 21 September 2012 ke daerah Tawau. Selain itu, lawatan susulan Audit telah dilaksanakan ke 3 daerah yang terlibat pada bulan Februari dan April 2013.
- d. Ketidakpatuhan yang berlaku adalah disebabkan pemantauan terhadap pemeriksaan yang dibuat oleh pihak Konsesi yang tidak menyeluruh. Keadaan ini mendatangkan ketidaksesuaian kepada pengguna jalan dan mengundang bahaya jika kerosakan tidak disenggara dengan segera. Butirannya adalah seperti berikut:

#### 1.4.2.1. Kerja Tampalan Jalan Lewat Dilaksanakan

- a. Perenggan 2.3, 2.4 dan Appendiks M2 Dokumen Kontrak menetapkan, kerja tampalan jalan merupakan penyenggaraan rutin yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 48 jam (2 hari) selepas ditemui atau dilaporkan. Semakan Audit terhadap RMIS bagi sampel jalan yang dipilih dan lawatan Audit pada 17 Julai dan 20 September 2012 mendapati kerja tampalan jalan lewat dilaksanakan antara 33 hari hingga 180 hari seperti di **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7**  
**Kerja Tampalan Jalan Lewat Dilaksanakan**

Bil.	Lokasi Jalan	Panjang Jalan (KM)	Tarikh Kerosakan Mengikut RMIS	Tarikh Siap Dibaiki Mengikut RMIS	Tarikh Lawatan Audit	Tempoh Kelewatan (Hari)	Keadaan Fizikal
<b>Daerah Lahad Datu</b>							
1.	Kampung Jaya Baru Tengah Nipah	0.580	17.2.2012	Belum dibaiki	17.7.2012	149	Jalan berlubang seperti di <b>Gambar 1.1</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.2</b> .
<b>Daerah Sandakan</b>							
2.	Kampung Jawa 2	1.200	9.2.2012	27.4.2012	6.9.2012	76	Telah dibaiki.
<b>Daerah Tawau</b>							
3.	Kampung Batu 22	1.268	16.1.2012	17.4.2012	18.9.2012	90	Telah dibaiki.
4.	Kampung Sungai Imam	2.465	22.3.2012	Belum dibaiki	20.9.2012	180	Jalan berlubang seperti di <b>Gambar 1.3</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.4</b> .
5.	Kampung Pasir Puteh	1.408	15.8.2012	Belum dibaiki	19.9.2012	33	Jalan berlubang seperti di <b>Gambar 1.5</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.6</b> .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: RMIS – *Road Maintenance Information System*

**Gambar 1.1**

**Jalan Berlubang (Pothole) Belum Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kg.Jaya Baru Tengah Nipah,Lahad Datu  
 Tarikh: 17 Julai 2012

**Gambar 1.2**

**Jalan Berlubang (Pothole) Telah Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kg.Jaya Baru Tengah Nipah,Lahad Datu  
 Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.3**  
**Jalan Berlubang (Pothole) Belum Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Sungai Imam,Tawau  
Tarikh: 20 September 2012

**Gambar 1.4**  
**Jalan Berlubang (Pothole) Telah Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Sungai Imam,Tawau  
Tarikh: 25 April 2013

**Gambar 1.5**  
**Jalan Berlubang (Pothole) Belum Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Pasir Puteh,Tawau  
Tarikh: 19 September 2012

**Gambar 1.6**  
**Jalan Berlubang (Pothole) Telah Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Pasir Puteh,Tawau  
Tarikh: 25 April 2013

- b. Berdasarkan maklum balas pihak Konsesi pada 22 April 2013, jalan yang berlubang di Kg. Jaya Baru Tengah Nipah, Lahad Datu, Kg. Sungai Imam dan Kg. Pasir Puteh, Tawau telah dibaiki. Pengesahan penyenggaraan ini telah dibuat oleh pihak Audit dengan melawat lokasi kerosakan jalan pada 25 April 2013.

#### 1.4.2.2. Kerja Penyenggaraan Parit Tidak Dilaksana

Perenggan 2.7 dan Appendiks M2 Dokumen Kontrak menetapkan, kerja penyenggaraan parit merupakan salah satu daripada penyenggaraan rutin yang melibatkan pembersihan parit bagi memastikan keadaan parit bersih dan tidak tersumbat. Kerja pembersihan ini akan disenggara dalam tempoh 48 jam (2 hari) selepas laporan direkodkan dalam sistem RMIS. Pihak Audit mendapati keadaan parit rosak dan *silted with overgrowth* hanya berlaku di Daerah Lahad Datu sahaja di mana tempoh kelewatan adalah antara 11 hingga 30 hari seperti di Jadual 1.8.

**Jadual 1.8**  
**Parit Lewat Disenggara**

Bil.	Lokasi Jalan	Panjang Jalan (KM)	Rekod Dalam RMIS	Tarikh Perlu Disenggara	Tarikh Lawatan Audit	Tempoh Kelewatan (Hari)	Keadaan Fizikal
<b>Daerah Lahad Datu</b>							
1.	Taman Gembira 1	0.200	Silted With Overgrown - 18.6.2012.	20.6.2012	20.7.2012	30	Parit tersumbat dan persekitarannya tidak dibersihkan seperti di <b>Gambar 1.7</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.8</b> .
2.	Taman Gembira	0.350	Silted With Overgrown - 18.6.2012.	20.6.2012	20.7.2012	30	Parit tersumbat dan persekitarannya tidak dibersihkan seperti di <b>Gambar 1.9</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.10</b> .
3.	Jaya 7	0.400	Outlet Not Functional - 6.7.2012.	8.7.2012	19.7.2012	11	Parit tersumbat dan dipenuhi sampah sarap seperti di <b>Gambar 1.11</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.12</b> .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: RMIS – Road Maintenance Information System

**Gambar 1.7**  
**Parit Tersumbat Dan Persekutarnya Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Gembira 1,Lahad Datu  
Tarikh: 20 Julai 2012

**Gambar 1.8**  
**Parit Dan Persekutarnya Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Gembira 1,Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.9**  
**Parit Tersumbat Dan Persekitarannya**  
**Tidak Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Gembira, Lahad Datu  
Tarikh: 20 Julai 2012

**Gambar 1.10**  
**Parit Dan Persekitarannya Telah**  
**Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Gembira, Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.11**  
**Parit Tersumbat Dengan Sampah Sarap**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jaya 7, Lahad Datu  
Tarikh: 19 Julai 2012

**Gambar 1.12**  
**Parit Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jaya 7, Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

#### 1.4.2.3. Kerja Penyenggaraan Jambatan Tidak Dilaksana

Perenggan 2.6 dan Appendiks M2 Dokumen Kontrak menetapkan, kerja penyenggaraan jambatan melibatkan pemberian kerosakan jambatan, membersihkan papan lantai daripada batu *gravel*, mengecat semula komponen jambatan yang berkarat dan memeriksa keadaan fizikal jambatan. Pihak Audit mendapati *handrail* berkarat dan papan lantai jambatan rosak seperti di **Jadual 1.9**.

**Jadual 1.9**  
**Handrail Jambatan Berkarat Serta Papan Lantai Rosak**

Bil.	Lokasi Jalan	Panjang Jalan (KM)	Tarikh Lawatan Audit	Keadaan Fizikal	Rekod RMIS
<b>Daerah Lahad Datu</b>					
1.	Perdana 4	0.750	19.7.2012	<i>Handrail</i> jambatan berkarat seperti di <b>Gambar 1.13</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.14</b> .	Tiada rekod
2.	Public Villa	0.420	19.7.2012	<i>Handrail</i> jambatan berkarat seperti di <b>Gambar 1.15</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.16</b> .	
<b>Daerah Sandakan</b>					
3.	ILP Sandakan	1.000	6.9.2012	<i>Handrail</i> jambatan berkarat seperti di <b>Gambar 1.17</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.18</b> .	Tiada rekod
4.	Kebun Mile 27	7.000	5.9.2012	Papan lantai jambatan rosak seperti di <b>Gambar 1.19</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.20</b> .	
5.	Sungai Api	6.000	5.9.2012	Papan lantai jambatan rosak seperti di <b>Gambar 1.21</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.22</b> .	
<b>Daerah Tawau</b>					
6.	Ayer Panas Lama Batu 3	1.640	19.9.2012	<i>Handrail</i> jambatan berkarat seperti di <b>Gambar 1.23</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.24</b> .	Tiada rekod
7.	Balung Kokos Hujung	2.420	18.9.2012	<i>Handrail</i> jambatan berkarat seperti di <b>Gambar 1.25</b> dan tindakan telah diambil seperti di <b>Gambar 1.26</b> .	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: RMIS – Road Maintenance Information System

**Gambar 1.13**  
*Handrail* Jambatan Berkarat



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perdana 4,Lahad Datu  
Tarikh: 19 Julai 2012

**Gambar 1.14**  
*Handrail* Jambatan Telah Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perdana 4,Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.15**  
*Handrail Jambatan Berkarat*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Public Villa,Lahad Datu  
Tarikh: 19 Julai 2012

**Gambar 1.16**  
*Handrail Jambatan Telah Dicat*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Public Villa,Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.17**  
*Handrail Jambatan Berkarat*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: ILP Sandakan,Sandakan  
Tarikh: 6 September 2012

**Gambar 1.18**  
*Handrail Jambatan Telah Dicat*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: ILP Sandakan,Sandakan  
Tarikh: 25 Februari 2013

**Gambar 1.19**  
*Papan Lantai Jambatan Rosak*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kebun Mile 27,Sandakan  
Tarikh: 5 September 2012

**Gambar 1.20**  
*Papan Lantai Jambatan Telah Dibaiki*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kebun Mile 27,Sandakan  
Tarikh: 26 Februari 2013

**Gambar 1.21**  
**Papan Lantai Jambatan Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Api,Sandakan  
Tarikh: 5 September 2012

**Gambar 1.22**  
**Papan Lantai Jambatan Telah Dibaiki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Api,Sandakan  
Tarikh: 26 Februari 2013

**Gambar 1.23**  
**Handrail Jambatan Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ayer Panas Lama Batu 3,Tawau  
Tarikh: 19 September 2012

**Gambar 1.24**  
**Handrail Jambatan Telah Dicat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ayer Panas Lama Batu 3,Tawau  
Tarikh: 25 April 2013

**Gambar 1.25**  
**Handrail Jambatan Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Balung Kokos Hujung,Tawau  
Tarikh: 18 September 2012

**Gambar 1.26**  
**Handrail Jambatan Telah Dicat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg.Balung Kokos Hujung,Tawau  
Tarikh: 25 April 2013

#### 1.4.2.4. Permukaan Jalan Rosak Tidak Dibaiki

- a. Perenggan 2.3, 2.4 dan Appendiks M2 Dokumen Kontrak menetapkan, kerja penyenggaraan rutin juga melibatkan tindakan membaiki permukaan jalan rosak seperti *regulation of wheel depressions and ruts, cracks sealing, surface treatment* dan *edge repairs* perlu dilaksanakan dalam tempoh 4 minggu selepas dikesan/direkodkan dalam RMIS. Pihak Audit mendapati permukaan jalan rosak seperti *damaged pavement, depression* dan *line/group crack* tidak dibaiki seperti di **Jadual 1.10**.

**Jadual 1.10**

Kerosakan Permukaan Jalan Belum Dibaiki

Bil.	Lokasi Jalan	Panjang Jalan (KM)	Tarikh Lawatan Audit	Keadaan Fizikal	Rekod RMIS
<b>Daerah Lahad Datu</b>					
1.	Kampung. Malai	0.280		<i>Damaged Pavement</i> seperti di <b>Gambar 1.27</b> .	Tiada rekod.
2.	Kampung Layong	0.912	17.7.2012	<i>Damaged Pavement</i> seperti di <b>Gambar 1.28</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.29</b> .	Direkodkan pada 6.3.2012 untuk <i>R.E To Verify</i> tetapi tiada tindakan sehingga lawatan Audit.
3.	Kampung Dusun	0.330		<i>Line Crack</i> seperti di <b>Gambar 1.30</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.31</b> .	Tiada rekod.
<b>Daerah Sandakan</b>					
4.	Muara Tinosan	2.000	4.9.2012	<i>Damaged Pavement</i> - Contoh di <i>Chainage</i> 200 seperti di <b>Gambar 1.32</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.33</b> .	Tiada rekod.
5.	Bandar Karamunting 7	0.130	4.9.2012	<i>Damaged Pavement</i> - Contoh di <i>Chainage</i> 70 - 75 seperti di <b>Gambar 1.34</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.35</b> . <i>Damaged Pavement</i> - Contoh di <i>Chainage</i> 195 seperti di <b>Gambar 1.36</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.37</b> .	
<b>Daerah Tawau</b>					
6.	Serudung Baru	5.630	18.9.2012	<i>Damaged Pavement</i> -Contoh di <i>Chainage</i> 1100 seperti di <b>Gambar 1.38</b> .	Direkodkan pada 10.9.2012. untuk <i>R.E To Verify</i> tetapi tiada tindakan sehingga lawatan Audit.
7.	Kampung Sungai Imam	2.465	20.9.2012	<i>Damaged Pavement</i> -Contoh di <i>Chainage</i> 500 seperti di <b>Gambar 1.39</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.40</b> .	Tiada rekod.
8.	Liew Len Loi 1	1.800	19.9.2012	<i>Depression</i> seperti di <b>Gambar 1.41</b> dan tindakan pembaikan seperti di <b>Gambar 1.42</b> .	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: RMIS – Road Maintenance Information System



**Gambar 1.27**  
***Damaged Pavement***

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Malai,Lahad Datu  
Tarikh: 17 Julai 2012

**Gambar 1.28**  
***Damaged Pavement***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Layong,Lahad Datu  
Tarikh: 17 Julai 2012

**Gambar 1.29**  
***Damaged Pavement Dibaiki Tanpa Diturap***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Layong,Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.30**  
***Line Crack***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Dusun,Lahad Datu  
Tarikh: 17 Julai 2012

**Gambar 1.31**  
***Line Crack Telah Dibaiki***



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Dusun,Lahad Datu  
Tarikh: 4 Februari 2013

**Gambar 1.32**  
*Line Crack*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muara Tinosan,Sandakan  
Tarikh: 4 September 2012

**Gambar 1.33**  
*Line Crack Telah Dibaiki*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muara Tinosan,Sandakan  
Tarikh: 25 Februari 2013

**Gambar 1.34**  
*Damaged Pavement*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Karamunting 7,Sandakan  
Tarikh: 4 September 2012

**Gambar 1.35**  
*Damaged Pavement Telah Dibaiki*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Karamunting 7,Sandakan  
Tarikh: 25 Februari 2013

**Gambar 1.36**  
*Damaged Pavement*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Karamunting 7,Sandakan  
Tarikh: 4 September 2012

**Gambar 1.37**  
*Damaged Pavement Telah Dibaiki*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Karamunting 7,Sandakan  
Tarikh: 25 Februari 2013



**Gambar 1.38**  
*Damaged Pavement*

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Serudung Baru, Tawau  
Tarikh: 18 September 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Sungai Imam, Tawau  
Tarikh: 20 September 2012

**Gambar 1.39**  
*Damaged Pavement*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Sungai Imam, Tawau  
Tarikh: 25 April 2013

**Gambar 1.40**  
*Damaged Pavement Telah Dibaiki*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Liew Len Loi, Tawau  
Tarikh: 19 September 2012

**Gambar 1.41**  
*Depression*



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Liew Len Loi, Tawau  
Tarikh: 25 April 2013

**Gambar 1.42**  
*Depression Telah Dibaiki*


- b. Berdasarkan maklum balas pihak Konsesi pada 22 April 2013, permukaan jalan rosak di Kg. Malai, Lahad Datu adalah disebabkan keadaan struktur jalan yang rendah dan merupakan kawasan banjir. Pihak Konsesi sentiasa menjalankan penyenggaraan jalan bagi mengatasi masalah tersebut. Manakala keadaan jalan di Serudung Baru, Tawau adalah disebabkan oleh kerosakan struktur jalan

yang memerlukan penyenggaraan di luar skop kerja pihak Konsesi. Laporan kerosakan tersebut telah dikemukakan kepada KKNS untuk kelulusan pada bulan Mac 2013.

Pada pendapat Audit, prestasi penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi bagi 89 jalan yang diaudit adalah baik.

#### 1.4.3. Maklum Balas Responden


- a. Untuk mendapatkan pandangan dan tahap kepuasan responden mengenai status penyenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak Konsesi, pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada orang awam. Sebanyak 152 responden telah memberi maklum balas daripada 160 soal selidik yang telah diedarkan di 3 daerah iaitu Lahad Datu, Sandakan dan Tawau. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mengenai keadaan jalan mendapati seramai 80 responden (53%) berpendapat keadaan jalan PBT yang dipilih adalah memuaskan, 59 responden (39%) tidak memuaskan dan 13 responden (8%) baik seperti di **Carta 1.1**.



- b. Analisis Audit selanjutnya terhadap ketidakpuasan responden mendapati 27% responden berpendapat jalan berlubang, 24% responden berpendapat tampalan jalan tidak rata, 16% responden masing-masing berpendapat bahu jalan tidak rata dan keadaan parit jalan tidak memuaskan dan 15% pemotongan rumput di tepi jalan tidak memuaskan seperti di **Carta 1.2**.

**Carta 1.2**

**Ketidakpuasan Responden Terhadap Keadaan Jalan Di Tiga Daerah Di Sabah**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**Pada pendapat Audit, maklum balas responden terhadap penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi adalah memuaskan. Bagaimanapun keadaan jalan berlubang dan tampalan tidak rata yang dibangkitkan oleh responden perlu diambil tindakan.**

#### **1.4.4. Pemantauan**

Kaedah pemantauan yang berkesan hendaklah dijalankan bagi memastikan objektif penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi dicapai. Pemantauan penyenggaraan jalan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah oleh pihak Konsesi adalah di bawah tanggungjawab Unit Khas Pemantauan (UKP).

##### **1.4.4.1. Pemantauan Oleh Unit Khas Pemantauan**

- a. UKP di Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau secara *random* aktiviti kerja penyenggaraan jalan di bawah perjanjian Konsesi. Kakitangan UKP yang terlibat untuk memantau jalan Majlis Perbandaran dan Daerah di seluruh Negeri Sabah adalah terdiri daripada 4 orang pegawai iaitu Timbalan Setiausaha Tetap/Pengarah Projek (Jusa C), Jurutera (J48), Juru Ukur Bahan (J41), Penolong Jurutera (J36) dan termasuk 3 WPP. Selain itu, Juruperunding yang dilantik oleh Konsesi dipertanggungjawabkan untuk memantau serta mengesahkan kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan. Semakan Audit terhadap rekod dan laporan pemantauan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012 yang telah dilaksanakan oleh UKP mendapati 255 daripada 53,131 jalan yang telah dipantau.

- b. Pihak UKP juga menjalankan Mesyuarat *Regional* dipengerusikan oleh Pengarah Projek dan ahli mesyuarat terdiri daripada pihak Konsesi dan Wakil Pengarah Projek bagi membincangkan permasalahan yang timbul berkaitan penyenggaraan jalan. Mesyuarat ini dilaksanakan mengikut keperluan dan bagi tempoh 2008 hingga 2012 sebanyak dua kali mesyuarat telah diadakan.
- c. **Berdasarkan maklum balas pihak KKNS pada 22 April 2013, kelemahan yang dibangkitkan berkaitan dengan pemantauan UKP akan diatasi dengan menyediakan program pemantauan berdasarkan kemampuan dan sumber manusia sedia ada. Pihak KKNS juga akan memastikan setiap pemeriksaan dan lawatan yang dilaksanakan direkodkan dalam daftar yang akan diselenggara. Selain itu, mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Di peringkat Konsesi pula, pihak Konsesi telah menambah baik RMIS dengan menambah *module* antaranya pengelasan penyenggaraan mengikut kategori dan meningkatkan keupayaan interaktif antara RMIS dengan *smartphone*. Selain itu, penambahan 132 unit *smartphone* menjadikan jumlah keseluruhan 182 unit dan membekalkan *smartphone* tersebut kepada *Road Inspector/Kerani Kerja* supaya pemeriksaan jalan dapat dibuat dengan menyeluruh dan direkod secara sistematis dalam RMIS. Bilangan *vehicle tracker* (VT) juga ditambah 22 unit lagi menjadikan jumlah keseluruhan 151 unit. VT ini digunakan sepenuhnya untuk memastikan petugas pemantauan berada dilokasi jalan seperti yang ditetapkan mengikut jadual harian.**

#### 1.4.4.2. Wakil Pengarah Projek Tidak Menghantar Laporan Bulanan

- a. Wakil Pengarah Projek (WPP) merupakan Jurutera Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Perbandaran Tawau. Pengarah Projek telah memberikan kuasa dan tanggungjawab kepada WPP untuk melaksanakan tugas-tugas Pengarah Projek. WPP dikehendaki menghantar Laporan Bulanan pada setiap hujung bulan kepada UKP bermula pada bulan April 2010. Laporan tersebut hendaklah mengandungi laporan jalan yang dinaik taraf, pemeriksaan berkala, aduan awam, penyenggaraan jalan dan jalan PBT yang layak untuk pendaftaran MARRIS. WPP tersebut dilantik secara separuh masa (*part time*) dan diberikan kemudahan seperti kenderaan, telefon bimbit, kamera dan komputer bagi memudahkan tugas pemantauan penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi. Elaun bulanan sejumlah RM500 telah diberikan kepada Wakil Pengarah Projek bermula pada tahun 2010. Tiga Wakil Pengarah Projek WPP telah dilantik oleh pihak UKP bagi mewakili kawasan yang ditetapkan iaitu Kota Kinabalu (merangkumi Papar, Kota Belud, Tuaran, Ranau dan Penampang), Sandakan (merangkumi Labuk Sugut dan Kinabatangan) dan Tawau (merangkumi Lahad Datu, Semporna dan Kunak). Semakan Audit terhadap persampelan daerah Tawau dan Sandakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mendapati WPP hanya mengemukakan 2 laporan sahaja iaitu bagi bulan Januari dan Februari 2011 kepada UKP seperti di **Jadual 1.11**.

**Jadual 1.11**  
**Laporan Bulanan Wakil Pengarah Projek Bagi**  
**Tahun 2010 Hingga 2012**

WPP	Lantikan	Laporan Bulanan		
		2010	2011	2012
Sandakan	02/09/2008	Tiada	Januari Februari	Tiada
Tawau	24/08/2009	Tiada	Januari Februari	Tiada

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah

- b. Semakan lanjut Audit mendapati pihak UKP telah mengeluarkan surat peringatan pertama pada Mac 2011 kepada semua WPP kerana tidak menghantar Laporan Bulanan. Berdasarkan temu bual Audit dengan WPP, bebanan kerja hakiki menjadi faktor penyebab WPP tidak dapat menyedia dan menghantar Laporan Bulanan seperti yang telah ditetapkan. Ini menyebabkan kerja penyenggaraan oleh pihak Konsesi tidak dapat dipantau secara berkesan.
- c. **Berdasarkan maklum balas pihak KKNS pada 22 April 2013, WPP akan dibekalkan dengan Format Borang Pemantauan Bulanan bagi memastikan laporan tersebut dapat dikemukakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, pemantauan UKP terhadap kerja penyenggaraan jalan oleh pihak Konsesi adalah memuaskan. Bagaimanapun, UKP perlu memperkemaskin lagi program pemantauan supaya pemantauan dapat dibuat secara teratur dan berkala.

## 1.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan agar tidak berulang, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan Negeri Sabah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- 1.5.1. Memastikan Laporan *Road Maintenance Information System* (RMIS) yang dikemukakan setiap bulan oleh pihak Konsesi kepada Unit Khas Pemantauan Projek Kementerian Kewangan (UKP) disemak bagi mengesahkan tindakan telah diambil.
- 1.5.2. Memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh pihak Konsesi dilaksanakan mengikut tempoh, syarat dan spesifikasi kontrak.
- 1.5.3. Memastikan UKP menyediakan program pemantauan dan dilaksanakan secara teratur dan berkala. Selain itu, Wakil Pengarah Projek (WPP) perlu menghantar laporan pemantauan setiap bulan ke UKP.

## JABATAN PERHUTANAN NEGERI

### 2. PENGURUSAN LESEN KILANG MEMPROSES KAYU KAYAN

#### 2.1. LATAR BELAKANG

**2.1.1.** Jabatan Perhutanan Negeri Sabah (Jabatan) adalah pihak yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran lesen bagi kilang memproses kayu-kayan di Negeri Sabah. Berdasarkan Seksyen 42(e)(i), Enakmen Hutan Negeri Sabah, 1968, “*The Minister may make rules in providing for the registration, licensing and regulation of sawmills and other timber processing mills*”.

**2.1.2.** Kilang memproses kayu-kayan adalah ditafsirkan berdasarkan kepada Bahagian 1(2), Peraturan Hutan, 1969 yang menyatakan bahawa “*Sawmill means any machine or collection of machines used for the mechanical processing of timber in any form and include any veneer, plywood or other mill*”. Oleh itu, semua kilang memproses kayu-kayan yang melibatkan atau mengguna pakai mesin/jentera/alat untuk proses mekanikal dalam apa bentuk sekalipun di atas sebidang tanah adalah perlu dilesenkan dengan kadar bayaran lesen yang ditetapkan seperti dalam Peraturan 19(1), Peraturan Hutan, 1969 dan hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Peraturan 19(1), Peraturan Hutan, 1969 menyatakan “*No person shall erect or operate on any land a sawmill or plant under and in accordance with the conditions of a licence in form VIII issued by the director in his discretion. The fee payable shall be as set in schedule II hereto*”.

**2.1.3.** Jabatan telah mengguna pakai Garis Panduan Perlesenan Industri Perkayuan Di Sabah sebagai panduan dalam memproses permohonan dan kelulusan kebenaran bagi pengusaha industri perkayuan di Negeri Sabah. Selain itu, Jabatan adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan pekeliling yang berkaitan dalam menguruskan lesen kilang memproses kayu-kayan iaitu:

- i. Enakmen Hutan Negeri Sabah, 1968;
- ii. Peraturan Hutan Negeri Sabah, 1969;
- iii. Enakmen Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah, 2002;
- iv. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- v. Akta Kilang Dan Jentera, 1967; dan
- vi. Ordinan Kerajaan Tempatan Negeri Sabah, 1961.

**2.1.4.** Hasil kutipan bayaran pengeluaran dan pembaharuan lesen memproses kayu-kayan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah berjumlah RM6.86 juta seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Hasil Kutipan Bayaran Lesen Kilang Memproses Kayu-kayan**  
**Bagi Tahun 2008 hingga 2012**

Jenis Hasil	Tahun				
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Yuran Pengeluaran/ Pembaharuan Lesen Kilang	1.40	1.34	1.39	1.44	1.29

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan lesen kilang memproses kayu kyan telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop kajian adalah meliputi pengurusan lesen dan pemantauan terhadap operasi kilang bagi tahun 2010 hingga 2012. Kaedah pengauditan adalah mendapatkan maklumat awal melalui taklimat oleh pegawai Jabatan, membuat semakan serta menganalisis maklumat serta data daripada fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta menjalankan lawatan ke tapak kilang. Lawatan Audit telah dijalankan ke kilang memproses kayu kyan di Daerah Sandakan, Tawau dan Keningau berdasarkan kepada bilangan pengusaha yang ramai. Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan pengusaha kilang juga turut diadakan bagi mendapatkan ulasan mengenai operasi kilang yang dijalankan.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang telah dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati, pengurusan lesen kilang memproses kayu kyan di Negeri Sabah adalah **memuaskan**. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Syarat lesen yang ditetapkan tidak dipatuhi.
- Buku daftar pemeriksaan tidak diselenggara.
- Jadual pemantauan dan laporan pemeriksaan mengejut tidak disediakan.

### 2.4.1. Prestasi Pengurusan Lesen Kilang

#### 2.4.1.1. Pengeluaran Lesen

- a. Seksyen 42(e)(i), Enakmen Hutan Negeri Sabah, 1968 dan Bahagian 1(2), Peraturan Hutan, 1969 menyatakan bahawa “*Sawmill means any machine or collection of machines used for the mechanical processing of timber in any form and include any veneer, plywood or other mill*”. Oleh itu, semua kilang memproses kayu-kayan yang melibatkan atau menggunakan pakai mesin/jentera/alat untuk proses mekanikal dalam apa bentuk sekalipun di atas sebidang tanah adalah perlu dilesenkan dan hendaklah

mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sabah.

- b. Surat Pekeliling Setiausaha Hasil Bumi Negeri Sabah bertarikh 29 Oktober 1991, menyatakan bahawa lesen kilang papan, veniar dan papan lapis telah dibekukan mulai tarikh surat ini dikeluarkan kecuali kepada kilang milik anak syarikat kerajaan (GLC) dan pelesen *Sustainable Forest Management Licensee Agreement (SFMLA)*. Sebuah kilang boleh mempunyai lebih dari satu lesen sekiranya mempunyai lebih daripada satu aktiviti/operasi kilang. Sebagai contoh Kilang A menjalankan 2 aktiviti/operasi iaitu kilang papan dan veniar/papan berlapis, maka seharusnya Kilang A mempunyai 2 jenis lesen iaitu lesen papan dan lesen veniar/papan lapis. Oleh yang demikian bilangan lesen yang dikeluarkan boleh melebihi bilangan kilang yang wujud.
- c. Semakan Audit mendapati, tidak ada permohonan baru untuk lesen kilang memproses kayu kyan diterima sepanjang tempoh pembekuan. Permohonan lesen yang diterima hanyalah untuk pembaharuan lesen setiap tahun. Pada tahun 2010, bilangan kilang yang dilesenkan adalah sebanyak 485, pada tahun 2011 sebanyak 464 dan pada tahun 2012 sebanyak 420. Terdapat pengurangan bilangan lesen yang dikeluarkan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 sebanyak 21 lesen atau 4%. Manakala bagi tahun 2012, pengurangan pengeluaran lesen yang diperbaharui adalah sebanyak 45 lesen atau 9.7% berbanding tahun 2011. Pada tahun 2010 sebanyak 485 lesen telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut, yang aktif adalah sebanyak 259 berbanding tidak aktif 226. Pada tahun 2011 daripada 464 lesen telah dikeluarkan, yang aktif adalah 248 berbanding tidak aktif 216. Pada tahun 2012 daripada 426 lesen telah dikeluarkan yang aktif adalah 248 berbanding tidak aktif 216. Ini menunjukkan lesen tidak aktif bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah secara purata 52% manakala lesen yang aktif pula adalah 48%. Selain itu, terdapat 3 jenis lesen yang menunjukkan pengurangan ketara sejak 2010 sehingga 2012 iaitu Lesen Veniar/Papan Lapis 17.2%, Lesen Kayu Kumai 11.6% dan Lesen Papan 15.9%. Manakala, Lesen *Medium Density Fiberboard (MDF)* tidak aktif sehingga kini. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2** berikut:

**Jadual 2.2**  
**Perbandingan Bilangan Lesen Aktif dan Tidak Aktif Bagi Tahun 2010 Hingga Tahun 2012**

Jenis Lesen	2010			2011			2012		
	Bilangan Dilesenkan	Aktif	Tidak Aktif	Bilangan Dilesenkan	Aktif	Tidak Aktif	Bilangan Dilesenkan	Aktif	Tidak Aktif
Papan	176	103	73	165	94	71	148	61	87
Veniar/Papan Lapis	58	31	27	55	30	25	49	29	20
Pulpa/Kertas	1	1	0	1	1	0	1	1	0
Kayu Kumai	138	67	71	134	70	64	122	65	57
Kayu Serapi	8	3	5	6	4	2	6	4	2
Kayu Awet	33	12	21	31	8	23	30	9	21
Kayu Dikering Tanur	65	40	25	66	39	27	59	34	25
Kayu Partikel	3	1	2	3	1	2	2	1	1
Perabot/Bambu/Rotan	1	1	0	1	1	0	1	0	1
MDF*	2	0	2	2	0	2	2	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>485</b>	<b>259</b>	<b>226</b>	<b>464</b>	<b>248</b>	<b>216</b>	<b>420</b>	<b>204</b>	<b>216</b>

Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

Nota : \*MDF – *Medium Density Fiberboard*

- d. Semakan Audit mendapati, lesen yang dibatalkan setiap tahun untuk 3 daerah yang dilawati semakin meningkat iaitu daripada 14 lesen pada tahun 2010 menjadi 23 lesen pada tahun 2012 atau kenaikan sebanyak 64.3%. Daerah Tawau menunjukkan bilangan lesen yang tertinggi dibatalkan sepanjang 3 tahun iaitu berjumlah 31 lesen. Lesen yang dibatalkan oleh Jabatan adalah atas sebab permintaan pihak pengilang sendiri dan kilang telah lama tidak beroperasi serta kekurangan bekalan sumber balak. Bilangan lesen yang dibatalkan di 3 daerah pada tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**

**Bilangan Lesen Dibatalkan Bagi 3 Daerah Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Daerah	Bilangan Lesen Dibatalkan			Jumlah
		2010	2011	2012	
1.	Sandakan	2	1	3	6
2.	Tawau	11	4	16	31
3.	Keningau	1	10	4	15
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	<b>15</b>	<b>23</b>	<b>52</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

- e. Kekurangan sumber kayu balak adalah merupakan punca utama kepada kemerosotan industri perkayuan di Negeri Sabah. Ini telah memberi impak yang menyebabkan pengeluaran lesen berkurangan atau lesen dibatalkan. Berdasarkan laporan keluaran kayu balak Negeri Sabah, sumber kayu balak pada tahun 2012, merosot kepada 2.88 juta m<sup>3</sup> berbanding 4.14 juta m<sup>3</sup> pada tahun 2010. Laporan sumber keluaran kayu balak dari hutan semula jadi dan hutan ladang dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**

**Sumber Keluaran Kayu Balak Negeri Sabah Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Sumber Kayu Balak	Tahun				
	2008 (Juta M <sup>3</sup> )	2009 (Juta M <sup>3</sup> )	2010 (Juta M <sup>3</sup> )	2011 (Juta M <sup>3</sup> )	2012 (Juta M <sup>3</sup> )
Hutan Semula Jadi	4.72	4.25	3.48	2.21	1.91
Hutan Ladang	0.65	0.63	0.67	1.23	0.97
<b>Jumlah</b>	<b>5.37</b>	<b>4.88</b>	<b>4.15</b>	<b>3.44</b>	<b>2.88</b>

Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

Nota: TM – Tiada Maklumat

- f. Kesan dari kemerosotan bekalan sumber utama tersebut, banyak kilang telah mengecilkan saiz operasi mereka. Berdasarkan laporan penggunaan kapasiti input kilang-kilang memproses kayu kayan, bilangan mesin yang dipasang telah berkurang pada tahun 2011 kepada 4.8 juta m<sup>3</sup> daripada 7.1 juta m<sup>3</sup> pada tahun 2010 iaitu pengurangan sebanyak 47.25% dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Kapasiti Input Kilang-Kilang Memproses Kayu Kayan Berdasarkan Bilangan Mesin Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Jenis Kilang	Tahun				
	2008	2009	2010	2011	2012
Sawmill	3.7	3.0	3.0	1.9	1.7
Veneer/Plywood	4.5	3.6	3.2	2.8	2.2
Pulp & Paper mill	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9
<b>Jumlah</b>	<b>9.1</b>	<b>7.5</b>	<b>7.1</b>	<b>5.6</b>	<b>4.8</b>

Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

Nota: TM – Tiada Maklumat

- g. Kilang-kilang memproses kayu kayan di Negeri Sabah dari tahun ke tahun semakin berkurangan dan ini sedikit sebanyak telah menjelaskan peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan hasil Kerajaan Negeri. Antara punca pengeluaran lesen semakin berkurangan adalah disebabkan oleh operasi kilang yang dikecilkan atau penutupan kilang. Kesan daripada itu, peluang pekerjaan dalam industri perkayuan semakin berkurangan. Pada tahun 2012, peluang pekerjaan yang wujud dalam industri ini sebanyak 31,345 orang berbanding tahun 2008 sebanyak 43,342 orang iaitu pengurangan sebanyak 27.68% seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Pekerja Dalam Industri Kayu Di Negeri Sabah Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Pekerja	Tahun				
	2008	2009	2010	2011	2012
Warganegara	18,019	14,979	14,019	12,239	12,562
Bukan Warganegara	25,323	23,344	23,979	21,513	18,783
<b>Jumlah</b>	<b>43,342</b>	<b>38,323</b>	<b>37,998</b>	<b>33,752</b>	<b>31,345</b>

Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

Nota: TM – Tiada Maklumat

- h. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 10 Mei 2013, menyatakan pengurangan pengeluaran balak akan terus berlaku sekurang-kurangnya bagi tempoh 20 tahun. Pengurangan ini adalah kesan dari usaha Kerajaan Negeri untuk mengawal dan memulihkan keadaan hutan termasuk aktiviti restorasi hutan dan penggunaan teknik pembalakan kurang impak (*Reduced Impact Logging-RIL*) di semua kawasan hutan komersial di Negeri Sabah. Selain itu, Jabatan juga mensasarkan semua pemegang lesen konsesi (*Sustainable Forest Management Licence Agreement-SFMLA*) mendapatkan Sijil Pengurusan Hutan Mampan dari mana-mana badan persijilan kayu-kayan yang diiktiraf diperingkat antarabangsa pada tahun 2014, agar bekalan balak lebih terjamin dimasa akan datang. Dengan mengambilkira pelan jangka panjang pengurusan hutan, pengurangan aktiviti pemprosesan kayu-kayan di Negeri Sabah tidak dapat dielakkan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada *Sabah Timber Industry Association (STIA)*. Syor juga telah dikemukakan supaya pihak pengilang berusaha untuk mengeluarkan produk yang mempunyai nilai tambah yang tinggi untuk membolehkan mereka terus berdaya saing.**

## 2.4.2. Pematuhan Syarat Lesen

### 2.4.2.1. Syarat Lesen Yang Ditetapkan Tidak Dipatuhi

Syarat-syarat yang terkandung dalam Lesen (*Form VIII*) perlu dipatuhi oleh pengilang dalam menjalankan aktiviti memproses kayu. Secara umum terdapat 25 syarat khas yang telah ditetapkan dan dinyatakan dalam lesen pengilang yang perlu dipatuhi dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap pematuhan syarat lesen yang telah ditetapkan mendapati masih ada pengilang yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti ditunjukkan di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Syarat Lesen Yang Ditetapkan Tidak Dipatuhi**

Bil.	Daerah	Bilangan Kilang Yang Tidak Mematuhi	Syarat Lesen Yang Tidak Dipatuhi
1.	Sandakan	4	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarat 13 - Terdapat pekerja kilang yang tidak mempunyai COI (<i>Certificate of Identity</i>).</li><li>• Syarat 14 - Kawasan kilang tidak ditanam dengan pokok atau tumbuhan yang cepat membesar.</li><li>• Syarat 18 - Kenderaan yang digunakan dalam kawasan kilang seperti Jentolak tidak didaftarkan dengan Jabatan Perhutanan.</li></ul>
2.	Tawau	4	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarat 13 - Terdapat pekerja kilang yang tidak mempunyai COI (<i>Certificate of Identity</i>).</li><li>• Syarat 14 - Kawasan kilang tidak ditanam dengan pokok atau tumbuhan yang cepat membesar.</li><li>• Syarat 15 – Kebersihan dalam dan kawasan kilang tidak dijaga.</li><li>• Syarat 16 – Pejabat serta kuarters untuk Pegawai Perhutanan tidak disediakan.</li></ul>
3.	Keningau	1	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarat 13 - Terdapat pekerja kilang yang tidak mempunyai COI (<i>Certificate of Identity</i>).</li></ul>

Sumber : Jabatan Audit Negara

#### a. Syarat “*Certificate Of Identity*”

- i. Peraturan Hutan 1969 Peraturan 5(1), (2), (5) Dan Syarat Lesen Perkara 13 menyatakan keperluan semua pekerja kilang didaftarkan dengan Jabatan untuk tujuan pengeluaran ‘*Certificate of Identity*’ (COI) (*Form III*). Tempoh sah laku COI adalah selama 6 bulan dari tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah diperbaharui setelah tamat tempoh serta menjadi satu kesalahan sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod pekerja yang berdaftar dengan Jabatan mendapati tidak semua pekerja kilang mempunyai COI iaitu hanya 9 daripada 16 pengilang yang mematuhi syarat COI tersebut. Selain itu, terdapat pihak kilang hanya menyediakan COI untuk pekerja pentadbiran sahaja dan terdapat kilang hanya menyediakan COI untuk pekerja buruh sahaja seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**  
**Bilangan Kilang Yang Tidak Mematuhi Syarat COI**

Bil.	Daerah	Bilangan Kilang	Semua Pekerja mempunyai COI Ya( / ) atau Tidak ( X )	
			Pekerja Pentadbiran / Berjawatan	Pekerja Buruh
1.	Sandakan	3	/	X
2.	Tawau	3	X	X
3.	Keningau	1	/	X

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Temu bual dengan pihak kilang dan Jabatan mendapati punca utama syarat ini tidak dipatuhi adalah disebabkan masalah pekerja buruh yang sering bertukar ganti (tidak kekal lama) dan pihak kilang memerlukan kos tambahan untuk mengupah pekerja baru. Selain itu, pihak kilang perlu membayar kos levi pekerja asing berjumlah RM1,000 seorang.
  - iv. Perkara 23 dalam Syarat Lesen menyatakan bahawa sebarang perlanggaran syarat-syarat yang dinyatakan akan mengakibatkan lesen dibatalkan. Jadual 1 Nombor 22, Pekeliling Pengarah Perhutanan Negeri Sabah FD24/2012 bertarikh 15 Ogos 2012 menyatakan kegagalan mematuhi syarat COI boleh dikenakan penalti RM50/pekerja. Bagaimanapun, pihak Jabatan hanya memberi teguran dan peringatan kepada pihak kilang agar syarat ini dipatuhi.
  - v. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 10 Mei 2013, Jabatan sedang membuat pengeluaran semula COI kepada semua kilang diseluruh Negeri Sabah akoran isu pencerobohan di Lahad Datu. Pihak kilang telah diarahkan untuk mematuhi syarat ini dan semua Pegawai Perhutanan Daerah perlu mengesahkan supaya perkara ini dipatuhi sepenuhnya oleh pihak kilang.**
- b. **Syarat Kawasan Kilang Ditanam Pokok Jenis Cepat Membesar**
- i. Perkara 14 dalam Syarat Lesen mengkehendaki setiap kawasan sekeliling kilang perlu dicantikkan dengan menanam pokok dari spesis yang cepat membesar. Lawatan Audit pada 11 September 2013 hingga 27 November 2013 bersama Pegawai Perhutanan Daerah terhadap 16 buah kilang mendapati 12 daripadanya telah mematuhi syarat yang ditetapkan seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** kecuali 4 buah kilang tidak mematuhi syarat tersebut seperti di **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**. Bagi Lesen Kilang JP(T)TW 001/10(X17) perkara ini tidak dilaksanakan kerana kawasan kilang yang sempit dan berada dalam zon industri yang bersebelahan dengan kilang-kilang lain.

**Gambar 2.1**  
**Persekutaran Kilang Yang Ditanam Pokok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(S)SS 001/00(X24)R – Sandakan  
Tarikh: 8 November 2012

**Gambar 2.2**  
**Persekutaran Kilang Yang Ditanam Pokok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(N)KG 002/00(X01)R – Keningau  
Tarikh: 27 November 2012

**Gambar 2.3**  
**Persekutaran Hadapan Kilang Yang Sepatutnya Ditanam Pokok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(T)TW 004/00(X02)R – Tawau  
Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 2.4**  
**Persekutaran Kilang Yang Sepatutnya Ditanam Pokok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(T)TW 002/00(X17)R – Tawau  
Tarikh: 13 September 2012

- ii. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 10 Mei 2013, menyatakan Jabatan sedang menyemak semula syarat kawasan kilang ditanam pokok jenis cepat membesar dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kawasan kilang terletak dalam zon perindustrian dan saiz kawasan kilang.**

c. **Syarat Kebersihan**

- i. Perkara 15 dalam Syarat Lesen menetapkan kebersihan hendaklah dijaga setiap masa di dalam atau luar kilang termasuk kuarters pekerja. Lawatan Audit juga mendapati 15 daripada 16 kilang telah mematuhi syarat kebersihan seperti di Jadual 2.9.

**Jadual 2.9**  
**Pematuhan Syarat Kebersihan Kilang**

Bil.	Daerah	Bilangan Kilang		Keadaan Fizikal
		Mematuhi	Tidak Mematuhi	
1.	Sandakan	6	0	Contoh kawasan luar kilang yang bersih seperti di <b>Gambar 2.5</b>
2.	Keningau	5	0	Contoh kawasan dalam kilang yang bersih seperti di <b>Gambar 2.6</b>
3.	Tawau	4	1	Contoh kawasan dalam dan luar kilang yang tidak bersih seperti di <b>Gambar 2.7</b> dan <b>Gambar 2.8</b>

Sumber : Jabatan Audit Negara

**Gambar 2.5**  
**Kawasan Luar Kilang Yang Bersih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(S)SS 001/03(X38) – Sandakan  
Tarikh: 6 November 2012

**Gambar 2.6**  
**Kawasan Dalam Kilang Yang Bersih**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(N)KG 001/11/(55) – Keningau  
Tarikh: 28 November 2012

**Gambar 2.7**  
**Kawasan Dalam Kilang Yang Tidak Bersih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(T)TW 004/00(X02)R – Tawau  
Tarikh: 11 September 2012

**Gambar 2.8**  
**Kawasan Luar Kilang Yang Tidak Bersih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(T)TW 004/00(X02)R – Tawau  
Tarikh: 11 September 2012

- ii. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 10 Mei 2013, menyatakan Pegawai Perhutanan Daerah perlu mengambil tindakan menutup operasi kilang sekiranya pihak pengilang tidak membersihkan kawasan kilang yang kotor.**

#### d. Syarat Kenderaan/Traktor Dalam Kawasan Kilang Didaftarkan


- i. Peraturan 20B (1) dalam Peraturan Hutan 1969 menyatakan tidak seorang pun atau mana-mana pemegang lesen dibenarkan menggunakan mana-mana traktor, trak atau kenderaan lain dalam pengekstrakan atau pemindahan kayu atau apa-apa tujuan yang berkaitan dengan hutan simpan atau kerajaan melainkan kenderaan tersebut telah didaftarkan oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa. Peraturan Hutan 1969 Peraturan 20B (2) (b) menyatakan tiada traktor, trak atau kenderaan lain boleh didaftarkan kecuali apabila yuran telah dibayar seperti yang dinyatakan dalam Bahagian E, Jadual II: dengan syarat tiada bayaran dibuat semasa pendaftaran traktor, trak atau lain-lain kenderaan yang merupakan milik Kerajaan. Peraturan Hutan 1969 Peraturan 20B (3) menyatakan semasa pendaftaran mana-mana traktor, trak atau lain-lain kenderaan, kad pendaftaran akan dikeluarkan kepada pemilik dalam bentuk borang seperti yang dinyatakan dalam Borang XI oleh pengarah atau mana-mana pegawai hutan yang telah diberi kuasa olehnya. Perkara 18 dalam Syarat Lesen menyatakan kenderaan yang digunakan dalam kawasan kilang seperti traktor hendaklah didaftarkan dengan Jabatan Perhutanan. Pekeliling Pengarah FD:27/2007 bertarikh 17 Oktober 2007 menyatakan Pegawai Perhutanan Daerah tidak dibenarkan mengeluarkan permit, *Removal Passes*, *transit-passes* dan sebagainya terhadap lori atau trak yang belum didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk kegunaan pengangkutan sumber hutan sekiranya lori tersebut menggunakan jalan awam.
- ii. Lawatan Audit terhadap 16 buah kilang yang dipilih mendapati semua jentera-jentera yang digunakan untuk mengangkut atau memindahkan balak oleh pihak kilang telah didaftarkan dan yuran tahunan telah dibayar, contohnya seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**. Bagaimanapun, sebuah kilang di Daerah Sandakan iaitu pelesen JP(S)SS 018/00(B01)R yang menggunakan 4 buah traktor, hanya 3 buah traktor sahaja yang didaftarkan, manakala sebuah traktor lagi belum didaftarkan seperti di **Gambar 2.11**.

**Gambar 2.9**  
Traktor Yang Telah Didaftarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(N)KG 001/09(X08) – Keningau  
Tarikh: 27 November 2012

**Gambar 2.10**  
Traktor Yang Telah Didaftarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JP(T)TW 003/00(X13)R – Tawau  
Tarikh: 13 September 2012



**Gambar 2.11  
Traktor Yang Digunakan Belum Berdaftar**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi:JP(S)SS 018/00(B01)R – Sandakan  
Tarikh: 18 Oktober 2012

- iii. Perkara 23 dalam Syarat Lesen menyatakan bahawa sebarang perlanggaran syarat-syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan lesen dibatalkan. Jadual 1 Nombor 13, Pekeliling Pengarah Perhutanan Negeri Sabah FD24/2012 bertarikh 15 Ogos 2012 menyatakan kegagalan mendaftarkan jentera (excavator) yang digunakan di kilang akan dikenakan penalti RM500 sebuah.
- iv. Semasa lawatan Audit pada 27 November 2012 di kilang no. pelesen JP(N)KG 001/09(X08) di Daerah Keningau terdapat sebuah kenderaan yang baru tiba dengan membawa balak. Pergerakan membawa balak tersebut telah diluluskan melalui *Removal Pass* (RP) No. A 415076 yang dikeluarkan oleh Pejabat Perhutanan Daerah Nabawan. Pemeriksaan Audit mendapati, Lesen Pendaftaran Kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan telah tamat tempoh pada 2 November 2012 seperti di **Gambar 2.12** dan **Gambar 2.13**.

**Gambar 2.12  
Lesen Pendaftaran Kenderaan Membalak  
Yang Tamat Tempoh**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi:JP(N)KG 001/09(X08)  
Tarikh: 27 November 2012

**Gambar 2.13  
Kenderaan Membalak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi:JP(N)KG 001/09(X08)  
Tarikh: 27 November 2012

- v. Ranjer Hutan yang menjaga kilang tersebut telah menahan kenderaan berkenaan dan melarang daripada menurunkan kayu balak tersebut selagi pembaharuan Lesen Pendaftaran Kenderaan membalaik tersebut tidak dibayar berserta dengan denda tamat tempoh sah pendaftaran kenderaan bagi kesalahan pertama.

- vi. Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 10 Mei 2013, menyatakan tindakan telah diambil oleh pelesen JP(S)SS 018/00(B01)R. Bagi kes kenderaan yang tamat tempoh Lesen Pendaftaran Kenderaan tindakan telah diambil oleh pihak syarikat terbabit pada 28 November 2012 dengan membayar denda dan memperbaharui Lesen Pendaftaran Kenderaan. Jabatan juga sedang menyiasat bagaimana RP boleh dikeluarkan sedangkan Lesen Pendaftaran Kenderaan telah tamat tempoh.

Pada pendapat Audit, pengeluaran *Removal Pass* tidak boleh dibuat kepada kenderaan yang telah tamat tempoh Lesen Pendaftaran Kenderaan. Pengeluaran *Removal Pass* hendaklah dibuat dengan teliti dan teratur.

#### 2.4.3. Prestasi Kutipan Hasil Lesen

2.4.3.1. Peraturan 19(1), Peraturan Hutan, 1969 antara lain menyatakan semua kilang memproses kayu-kayan yang melibatkan atau mengguna pakai mesin/jentera/alat untuk proses mekanikal dalam apa bentuk sekalipun di atas sebidang tanah adalah perlu dilesenkan dengan kadar bayaran lesen yang ditetapkan. Kutipan hasil lesen dalam kilang memproses kayu kyan adalah seperti yuran lesen, yuran mesin yang digunakan dan yuran jentera/kenderaan. Kutipan hasil untuk yuran lesen kilang memproses kayu kyan adalah berdasarkan bilangan dan jenis lesen kilang yang dikeluarkan dan diperbaharui di seluruh negeri Sabah. Pada tahun 2008 hingga 2012, Jabatan telah berjaya mengutip sejumlah RM6.86 juta. Prestasi kutipan hasil Jabatan pada tahun 2012 adalah RM0.74 juta iaitu menurun sebanyak 12.5% berbanding tahun 2011 berjumlah RM0.85 juta manakala kutipan hasil tahun 2010 adalah RM0.84 juta. Pihak Audit mendapati, penurunan kutipan hasil ini adalah disebabkan oleh pengurangan bilangan dan aktiviti kilang setiap tahun. Semakan Audit terhadap Rekod Penerimaan di 3 daerah yang dilawati mendapati kutipan hasil adalah teratur. Kutipan hasil bagi 3 daerah yang dilawati bagi tahun 2010 hingga 2012 seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10****Kutipan Hasil Bagi Daerah Yang Dilawati Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Daerah	Jenis Kutipan Hasil	Tahun				
		2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Sandakan	Yuran Lesen	116,000	131,200	122,600	112,000	107,400
	Bandsaw	15,300	17,700	13,600	13,400	13,100
	Rotary Lathe	230,400	206,400	194,400	187,200	175,200
	Lain-lain Mesin	100	9,700	9,700	10,100	10,300
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>361,800</b>	<b>365,000</b>	<b>340,300</b>	<b>322,700</b>	<b>306,000</b>
Tawau	Yuran Lesen	193,600	159,400	189,600	195,200	179,600
	Bandsaw	40,800	29,300	41,200	43,800	39,400
	Rotary Lathe	144,000	64,800	86,400	69,600	74,400
	Lain-lain Mesin	-	-	-	-	-
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>378,400</b>	<b>253,500</b>	<b>317,200</b>	<b>308,600</b>	<b>293,400</b>
Keningau	Yuran Lesen	78,000	86,600	92,600	97,200	66,800
	Bandsaw	14,600	18,500	16,900	14,900	13,100
	Rotary Lathe	55,200	84,000	67,200	88,800	62,400
	Lain-lain Mesin	7,200	7,200	7,200	14,400	-
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>155,000</b>	<b>196,300</b>	<b>183,900</b>	<b>215,300</b>	<b>142,300</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>895,200</b>	<b>814,800</b>	<b>841,400</b>	<b>846,600</b>	<b>741,700</b>

Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan kutipan hasil adalah baik dan teratur.

#### 2.4.4. Pemantauan Dan Penguatkuasaan

##### 2.4.4.1. Daftar Pemeriksaan Dan Laporan Pemeriksaan Tidak Disediakan

- a. Aktiviti pemantauan adalah penting bagi memastikan kilang memproses kayu kayan yang wujud telah beroperasi secara sah dan mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan. Perkara 4 dalam Syarat Lesen dinyatakan bahawa pihak Jabatan boleh pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan terhadap kilang tanpa ada halangan. Aktiviti pemantauan akan dilaksanakan oleh Pegawai Perhutanan Daerah dan pegawai dari Bahagian *Monitoring, Control, Evaluation And Enforcement* (MCEE) secara lawatan berkala, rondaan harian, pemeriksaan secara berjadual dan pemeriksaan mengejut. Semua bentuk pemantauan tersebut perlu direkodkan secara teratur dalam bentuk buku pemeriksaan/lawatan, daftar pemeriksaan mengejut dan laporan pemeriksaan disediakan. Selain itu, pejabat serta kuarters untuk Pegawai Hutan yang menjaga kilang hendaklah disediakan oleh pihak kilang sebagaimana Perkara 16 dalam Syarat Lesen.
  
- b. Semakan Audit terhadap kilang yang dilawati mendapati, Jabatan telah menempatkan pegawai-pegawai hutan di setiap kilang bagi memastikan setiap operasi kilang terkawal dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan. Jabatan telah menetapkan setiap daerah akan dibahagi mengikut mukim-mukim tertentu dan setiap mukim diketuai oleh seorang pegawai hutan yang menyandang jawatan Gred G22 dan Gred G17 serta dibantu oleh beberapa orang pegawai hutan Gred G14. Penempatan pegawai hutan mengikut mukim adalah seperti di **Jadual 2.11**.

**Jadual 2.11**  
**Penempatan Pegawai Hutan Di Kilang Memproses Kayu Kayan**

Bil.	Daerah	Mukim	Bilangan Kilang (buah)	Bilangan Pegawai (orang)
1.	Sandakan	Batu Sapi	5	4
		Bambangan	2	3
		Tanjung Aru	3	3
		Suan Lamba	4	3
2.	Tawau	Balung	4	2
		Merotai	3	4
		Bal	13	2
		Tanjung Batu	18	3
3.	Keningau	Ansip	8	4
		Senagang	7	6

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

- c. Berdasarkan **Jadual 2.11** di atas, penempatan pegawai hutan menjaga kilang telah dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati rekod seperti jadual pemantauan, buku daftar pemeriksaan dan laporan pemeriksaan kilang tidak diselenggara.
- d. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 10 Mei 2013, menyatakan pekeliling akan dikeluarkan untuk menyediakan Daftar Pemeriksaan dan Laporan Pemeriksaan bagi setiap pemeriksaan kilang.**

#### 2.4.4.2. Penguatkuasaan

- a. **Penguatkuasaan Syarat-syarat Lesen**
  - i. Aktiviti penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan secara cekap agar setiap kesalahan yang dikesan dapat diambil tindakan sewajarnya dan mengikut peraturan yang ditetapkan supaya operasi kilang memproses kayu kayan ini mengikut kehendak syarat lesen yang telah ditetapkan. Aktiviti penguatkuasaan boleh dilaksanakan secara berjadual, rancangan kekerapan lawatan dalam masa setahun, bulan atau mingguan atau sebarang bentuk rancangan penguatkuasaan yang difikirkan bersesuaian. Pihak Jabatan turut memaklumkan selain pengawal hutan yang ditempatkan di kilang tersebut pihak ibu pejabat, pejabat perhutanan daerah dan bahagian *Monitoring, Control, Evaluation And Enforcement* (MCEE) turut membuat penguatkuasaan syarat-syarat lesen ke kilang-kilang secara mengejut. Ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh Jabatan boleh dikenakan denda atau apa-apa bentuk tindakan yang bersesuaian terhadap kesalahan yang dilakukan seperti di **Jadual 2.12**.

**Jadual 2.12**  
**Kes Kesalahan Hutan Berkaitan Aktiviti Kilang Memproses Kayu Kayan**

Bil.	Jenis Kesalahan	Tindakan Dikenakan
1.	Kelewatan menghantar laporan statistik pengeluaran bulanan	Denda RM500/bulan
2.	Gagal menanda balak dengan nombor siri atau tanda hak milik berdaftar	Denda RM20/batang
3.	Balak yang dibawa masuk ke kilang dan belum dibayar royalty.	i. Denda RM500/batang ii. Bayaran royalty berdasarkan rate eksport iii. Pembatalan lesen eksport iv. Pembatalan lesen kilang
4.	Mengemukakan laporan pengeluaran kilang yang salah	Denda RM500/laporan
5.	Gagal mendaftar sebagai kontraktor kilang dan kontraktor pembalakan	Denda RM1000/kejadian

Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

- ii. Semakan Audit mendapati, jadual atau rancangan penguatkuasaan dan daftar pemeriksaan mengejut ke kilang memproses kayu kayan tidak diselenggara. Namun begitu, Jabatan telah mengambil tindakan terhadap kilang-kilang memproses kayu kayan yang tidak mematuhi syarat dengan mengenakan denda seperti di **Jadual 2.13**.

**Jadual 2.13**  
**Bilangan Kilang Yang Dikenakan Tindakan Denda Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Daerah	Bilangan Kilang	Tahun			Jumlah Denda (RM)
			2010	2011	2012	
1.	Sandakan	3	3	1	1	2,050.00
2.	Tawau	2	1	4	1	28,460.00
3.	Keningau	3	0	0	3	11,380.00

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak Jabatan terhadap pematuhan syarat-syarat lesen kilang memproses kayu kayan adalah memuaskan. Bagaimanapun, buku daftar pemeriksaan, jadual pemeriksaan dan laporan pemeriksaan tidak diselenggara dengan teratur.

## 2.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan lesen kilang memproses kayu kayan di Negeri Sabah, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah mengambil tindakan seperti berikut:

**2.5.1.** Merangka satu Pelan Strategik untuk memastikan Jabatan mempunyai sasaran, hala tuju dan rancangan masa akan datang terhadap industri perkayuan khususnya terhadap kilang-kilang memproses kayu kayan.

**2.5.2.** Menyediakan Jadual Pemantauan secara berkala serta menyediakan satu Daftar Pemeriksaan bagi merekod lawatan atau pemeriksaan yang dijalankan.

**2.5.3.** Meningkatkan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

## **JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK**

### **3. PENGURUSAN RUMAH PENYEMBELIHAN HAIWAN**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT) merupakan agensi yang bertanggungjawab menyediakan infrastruktur, mengurus dan memantau rumah penyembelihan haiwan (RPH) di Negeri Sabah. Objektif pengurusan RPH adalah untuk menyediakan infrastruktur penyembelihan haiwan yang memenuhi standard kesihatan, kemudahan pemasaran ternakan bagi para penternak, memastikan bekalan daging tempatan yang terdapat di pasaran bebas dari sebarang jangkitan penyakit zoonosis, sisa antibiotik serta sisa bahan kimia yang lain dan membolehkan negeri ini mengeluarkan produk daging yang berdaya saing.

**3.1.2.** Program RPH telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) selepas keputusan Kabinet Kerajaan Negeri Sabah untuk memindah tanggungjawab membangun, mengurus, mengendali dan menyenggara RPH Kerajaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada JPHPT. Pemindahan ini melibatkan pengambilalihan RPH PBT yang sedia ada, baik pulih dan naik taraf RPH sedia ada serta pembinaan RPH baru. Cadangan projek ini telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-8 hingga RMKe-10.

**3.1.3.** Program RPH terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Pembangunan Infrastruktur Penyembelihan, Khidmat Pemeriksaan Daging dan Khidmat Penguatkuasaan Veterinar. Aktiviti pengurusan RPH yang dijalankan oleh JPHPT di seluruh Sabah adalah memantau operasi RPH milik Kerajaan dan swasta, menyediakan khidmat konsultan kepada mana-mana pihak yang sedang atau akan memulakan perusahaan RPH dan loji pemprosesan serta menyediakan khidmat pemeriksaan daging di setiap daerah yang mempunyai RPH swasta dan telah dilesenkan.

**3.1.4.** Setakat 2012, terdapat 46 buah RPH di seluruh Negeri Sabah yang terdiri daripada 10 RPH untuk menyembelih ternakan ruminan, 28 RPH untuk menyembelih ayam dan 8 RPH untuk menyembelih khinzir. Sebanyak 34 RPH dimiliki oleh pihak swasta daripada 46 RPH di seluruh Negeri Sabah.

**3.1.5.** Program pengurusan RPH terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Kesihatan Awam Veterinar dan Penguatkuasaan (KAVP) JPHPT. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Penyelidik Gred Q41 dan dianggotai oleh 13 pegawai.

**3.1.6.** JPHPT diperuntukkan sejumlah RM25.5 juta dalam RMKe-9 dan RM23 juta dalam RMKe-10. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 sebanyak RM4.77 juta atau 51.9% dibelanjakan daripada sejumlah RM9.19 juta yang diperuntukkan. Prestasi perbelanjaan JPHPT bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan 2010 hingga 2012**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Prestasi (%)
2010	7.14	2.91	40.76
2011	1.00	0.89	89.00
2012	1.05	0.97	92.38
<b>Jumlah</b>	<b>9.19</b>	<b>4.77</b>	<b>51.90</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan RPH di Negeri Sabah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektifnya.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan pengurusan RPH adalah bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat, RPH Kerajaan dan swasta. Pemilihan sampel terdiri daripada 10 RPH Kerajaan dan 23 RPH swasta di 4 wilayah iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Keningau. Pengauditan di RPH swasta meliputi khidmat pemeriksaan daging yang dijalankan dan proses pemberian *Veterinary Inspected Legend* (VIL). Semakan Audit dilakukan terhadap fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain berkaitan dengan pengurusan RPH, lawatan Audit dibuat terhadap RPH Kerajaan dan swasta serta temu bual dengan pegawai terlibat.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 mendapati, pengurusan RPH adalah memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- *Sabah Meat Technology Centre (SMT) Beroperasi Di Bawah Kapasiti Sebenar*
- Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan Tidak Beroperasi
- Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan Yang Tidak Beroperasi Tidak Disenggara
- Peralatan Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan yang Dibeli Tidak Digunakan
- Khidmat Pemeriksaan Daging Di Rumah Penyembelihan Haiwan Swasta tidak dilaksanakan secara menyeluruh

- Hasil Sewa Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan Tidak Dikutip
- Rumah Penyembelihan Haiwan beroperasi Tanpa Lesen
- Pelepasan Sisa Cecair Kumbahan Tidak Mematuhi Standard Parameter

### **3.4.1. Prestasi Penyembelihan Haiwan Di Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan**

**3.4.1.1.** Antara objektif RPH adalah menyediakan infrastruktur untuk penyembelihan ruminan, unggas dan khinzir. Bagi memastikan RPH digunakan secara optimum, sasaran bilangan penyembelihan hendaklah ditetapkan.

**3.4.1.2.** Semakan Audit mendapati, JPHPT tidak menetapkan sasaran bilangan penyembelihan di RPH. Penyembelihan yang dijalankan berdasarkan permintaan pasaran dan kesediaan penternak menghantar ternakan untuk disembelih. Pada tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 267,721 ekor haiwan telah disembelih di 6 RPH Kerajaan termasuk 2 RPH Kerajaan yang disewakan seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**

**Bilangan Penyembelihan Unggas, Ruminan Dan Khinzir Di RPH Kerajaan  
Bagi Tahun 2010 Sehingga 2012**

Tahun	Jenis Haiwan			Bilangan Keseluruhan (Ekor)	Peratus Kenaikan / (Penurunan)
	Unggas (Ekor)	Ruminan (Ekor)	Khinzir (Ekor)		
2010	8,479	646	88,266	97,391	-
2011	6,194	647	91,365	98,206	0.84
2012	6,063	425	65,636	72,124	(26.56)
<b>Jumlah</b>	<b>20,736</b>	<b>1,718</b>	<b>245,267</b>	<b>267,721</b>	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

**3.4.1.3.** Analisis Audit terhadap bilangan penyembelihan unggas, ruminan dan khinzir di RPH Kerajaan mendapati, pada tahun 2011 berlaku peningkatan penyembelihan sebanyak 275 ekor atau 0.84% berbanding 97,391 ekor pada tahun 2010. Bagaimanapun, pada tahun 2012 telah mencatatkan penurunan bilangan penyembelihan sebanyak 26,082 ekor atau 26.56% berbanding 98,206 ekor pada tahun 2011. Semakan selanjutnya terhadap data penyembelihan di RPH swasta yang berlesen mendapati, bagi tempoh 2008 hingga 2012 sebanyak 80,179,002 ekor haiwan telah disembelih seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**

**Bilangan Penyembelihan Unggas, Ruminan Dan Khinzir Di RPH Swasta Yang Berlesen  
Bagi Tahun 2008 Sehingga 2012**

Tahun	Jenis Haiwan			Bilangan Keseluruhan (Ekor)	Peratus Kenaikan / (Penurunan)
	Unggas (Ekor)	Ruminan (Ekor)	Khinzir (Ekor)		
2008	Tiada Rekod	1,317	141,528	142,845	0
2009	18,990,580	1,321	113,012	19,104,913	0
2010	20,373,220	1,827	115,303	20,490,350	7.3
2011	19,784,087	1,394	113,325	19,898,806	(2.9)
2012	20,415,912	1,608	124,568	20,542,088	3.2

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

**3.4.1.4.** Analisis Audit terhadap **Jadual 3.3**, didapati peningkatan penyembelihan haiwan ternakan sebanyak 1,385,437 ekor atau 7.3% pada tahun 2010 berbanding sebanyak 19,104,913 ekor pada tahun 2009. Manakala pada tahun 2011, berlaku penurunan bilangan penyembelihan haiwan ternakan sebanyak 591,544 ekor atau 2.9% berbanding pada tahun 2010. Pada tahun 2012, berlaku peningkatan semula penyembelihan haiwan ternakan sebanyak 553,282 ekor atau 3.2% berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, bilangan haiwan ternakan yang disembelih di RPH swasta mencatatkan purata sebanyak 16,035,800 ekor bagi tempoh 2008 hingga 2012. Peningkatan dan penurunan bilangan penyembelihan di RPH berlaku disebabkan oleh *trend* permintaan pasaran. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, pihak JPHPT akan menetapkan sasaran penyembelihan pada masa akan datang berdasarkan trend penyembelihan bagi tahun 2008 hingga 2012.**

**Pada pendapat Audit, prestasi penyembelihan haiwan ternakan di RPH adalah kurang memuaskan kerana sasaran penyembelihan di RPH tidak ditetapkan.**

### **3.4.2. Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan**

JPHPT mengendalikan 11 buah RPH Kerajaan yang memberi perkhidmatan penyembelihan dan pemeriksaan daging bagi haiwan ruminan, unggas dan khinzir. Lawatan Audit di 6 RPH iaitu Sabah *Meat Technology Centre* (SMTC), RPH Keningau, RPH Tenom, RPH Lahad Datu, RPH Sandakan dan RPH Tawau mendapati:

#### **3.4.2.1. Sabah *Meat Technology Centre* Beroperasi Di Bawah Kapasiti Sebenar**

- a.** RPH Kinarut yang dikenali sebagai Sabah *Meat Technology Centre* (SMTC), dibina pada tahun 2006 bertujuan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur untuk penyembelihan dan pemeriksaan daging. Di samping itu, SMTC menyediakan kemudahan latihan asas pengendalian daging bagi pekerja, penjual dan peniaga daging. SMTC diletakkan dalam RPH Kelas C berdasarkan Ordinan Haiwan 1953, Kaedah-kaedah Pemeriksaan Daging 1985, perkara 4 (2) yang mengkelaskan rumah sembelih kelas C sekiranya penyembelihan harian ternakan ialah sebanyak 10 ekor lembu atau kerbau atau kambing atau biri-biri atau kurang, atau 100 ekor khinzir atau kurang atau 5,000 ekor unggas.
- b.** Semakan Audit terhadap bilangan ternakan yang disembelih di SMTC pada 2010 sehingga 2012 mendapati, SMTC beroperasi di bawah kapasiti sebenar. Pada tahun 2010 sebanyak 278 ekor ternakan disembelih, 154 ekor disembelih pada 2011 dan 147 ekor penyembelihan pada 2012. Maklumat lanjut bilangan penyembelihan di SMTC bagi tahun 2010 sehingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Penggunaan SMTc Bagi Penyembelihan Ternakan Ruminan**  
**Bagi Tahun 2010 Sehingga 2012**

Bil.	Tahun	Bilangan Disembelih		
		Jumlah (Ekor)	Kapasiti Maksimum*	Peratus Penggunaan (%)
1.	2010	278	2,130	13.05
2.	2011	154	2,130	7.23
3.	2012	147	2,130	6.90
<b>Jumlah</b>		<b>579</b>	<b>6,390</b>	<b>9.06</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

Nota: \*Kapasiti maksimum = 10 ekor x 213 hari setahun

(Kiraan Hari Bekerja Dalam Setahun: 1,701 Jam Bekerja / 8 Jam Sehari = 213 Hari Setahun)

- c. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.4** menunjukkan penggunaan SMTc tidak mencapai kapasiti sebenar di mana pada tahun 2010 hingga 2012, kadar penyembelihan ruminan hanyalah 9.06%. Perkara ini berlaku disebabkan penternak memilih untuk menyembelih haiwan ternakan di RPH swasta yang berhampiran dengan ladang mereka.
- d. Selain itu, analisis Audit terhadap penggunaan kemudahan latihan di SMTc mendapati bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak 5 latihan yang dijalankan seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Latihan Yang Dijalankan Di SMTc Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Bil.	Tahun	Tajuk Latihan
1.	2011	Kursus Implemantasi HACCP
2.	2011	Latihan Industri Pelajar IPT
3.	2012	Kursus Bebola Daging Dan Burger
4.	2012	Bengkel Pemeriksaan Veterinar (Ruminan)
5.	2012	Latihan Industri Pelajar IPT

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- e. Perkara ini berlaku disebabkan tiada rancangan khusus oleh SMTc untuk melaksanakan program latihan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT bercadang untuk menyewakan RPH kepada pihak swasta bagi mencapai objektif program.**

Pada pendapat Audit, penggunaan kemudahan SMTc untuk penyembelihan dan latihan adalah tidak memuaskan kerana beroperasi di bawah kapasiti sebenar.

#### 3.4.2.2. Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan Tidak Beroperasi

- a. RPH dibangunkan bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan penyembelihan kepada penternak dan pengusaha kecil yang tidak mampu untuk mendirikan RPH mengikut standard yang ditetapkan. Secara tidak langsung, pemeriksaan daging dapat dilaksanakan dengan teratur bagi menjamin bekalan daging yang dipasarkan

adalah bebas daripada jangkitan penyakit dan selamat untuk dimakan. Semakan Audit terhadap laporan status RPH dan lawatan Audit pada 2 November 2011 di RPH Keningau dan RPH Tenom, 8 Mei 2012 di RPH Tawau, 31 Julai 2012 di RPH Lahad Datu dan 11 September 2012 di RPH Sandakan mendapati 5 daripada 11 buah RPH Kerajaan tidak beroperasi seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Status RPH Yang Diuruskan Oleh Kerajaan Sehingga Disember 2012**

Bil.	RPH	Status
1.	Sipitang	Beroperasi
2.	SMTC, Kinarut	Beroperasi
3.	PPTB Kionsom	Beroperasi
4.	PPBT Kudat	Beroperasi
5.	Kota Belud	Beroperasi
6.	PPTB Sandakan	Beroperasi
7.	Keningau	Tidak Beroperasi seperti di <b>Gambar 3.1</b> .
8.	Tenom	Tidak Beroperasi seperti di <b>Gambar 3.2</b> .
9.	Tawau	Tidak Beroperasi seperti di <b>Gambar 3.3</b> .
10.	Lahad Datu	Tidak Beroperasi seperti di <b>Gambar 3.4</b> .
11.	Sandakan	Tidak Beroperasi seperti di <b>Gambar 3.5</b> .

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

**Gambar 3.1**  
**RPH Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: RPH Keningau

Tarikh: 3 November 2011

**Gambar 3.2**  
**RPH Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: RPH Tenom

Tarikh: 2 November 2011

**Gambar 3.3**  
**RPH Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: RPH Tawau

Tarikh: 08 Mei 2012

**Gambar 3.4**  
**RPH Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: RPH Lahad Datu

Tarikh: 31 Julai 2012



**Gambar 3.5**  
**RPH Tidak Beroperasi**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: RPH Sandakan

Tarikh: 11 September 2012

- b. RPH Keningau, RPH Tenom, RPH Tawau, RPH Lahad Datu dan RPH Sandakan tidak beroperasi disebabkan tiada kakitangan untuk menjalankan kerja-kerja penyembelihan dan khidmat pemeriksaan daging. Selain itu, 3 daripada 5 RPH tersebut yang telah dinaik taraf tidak beroperasi. Kerja-kerja mengubah suai dan membaiki peralatan serta kemudahan penyembelihan di 3 RPH berkenaan

melibatkan perbelanjaan menaik taraf RPH berjumlah RM544,126 seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Perbelanjaan Menaik Taraf RPH**

Bil.	RPH	Perbelanjaan Menaik Taraf (RM)
1.	Rumah Sembelih (Halal) Unggas Dan Ruminan Daerah Tenom	379,411
2.	Pusat Penyembelihan Ternakan Ayam Dan Ruminan Keningau	108,475
3.	Pusat Penyembelihan Ternakan Ruminan Lahad Datu	56,240
<b>Jumlah</b>		<b>544,126</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

- c. Kegagalan RPH beroperasi menyebabkan penternak terpaksa menghantar ternakan ke RPH swasta untuk disembelih. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT menjangkakan 5 buah RPH yang tidak beroperasi akan disewakan kepada pihak swasta mulai bulan Ogos 2013.**

**Pada pendapat Audit, penggunaan RPH adalah tidak memuaskan kerana 5 daripada 11 buah RPH atau 45% tidak beroperasi.**

#### **3.4.2.3. Rumah Penyembelihan Haiwan Yang Tidak Beroperasi Tidak Disenggara**

- a. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995: Pengurusan Penyelenggaraan-Pewujudan Sistem Penyelenggaraan yang Dirancang dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010: Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang menghendaki agensi menyediakan rancangan kerja penyenggaraan secara teratur dengan menggunakan kaedah pencegahan atau pemulihan bagi memastikan aset Kerajaan berfungsi dengan lancar dan selamat. RPH hendaklah disenggara untuk memastikan aset Kerajaan berada dalam keadaan baik bagi memberi perkhidmatan yang berkualiti.
- b. Pihak Audit mendapati, JPHPT tiada rancangan penyenggaraan secara berkala terhadap RPH yang tidak beroperasi dan ianya dilaksanakan secara *ad-hoc* sahaja. Lawatan Audit ke RPH Keningau pada 2 November 2011, 8 Mei 2012 di RPH Tawau, 31 Julai 2012 di RPH Lahad Datu dan 11 September 2012 di RPH Sandakan yang tidak beroperasi mendapati kawasan RPH tidak dibersihkan dan dipenuhi dengan semak samun serta peralatan penyembelihan berkarat. Kesannya, RPH menjadi usang dan kos pembaikan penyenggaraan akan meningkat. Bagaimanapun, selepas teguran Audit JPHPT telah mengambil tindakan untuk menyenggara RPH dan penyenggaran yang dibuat adalah seperti di **Gambar 3.6 hingga Gambar 3.13**.

**Gambar 3.6**  
**Holding Yard Dipenuhi Semak Samun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPH Keningau  
Tarikh: 3 November 2011

**Gambar 3.7**  
**Holding Yard Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Lokasi: RPH Keningau  
Tarikh: 15 April 2013

**Gambar 3.8**  
**Rumput Tidak Dipotong**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPH Tenom  
Tarikh: 2 November 2011

**Gambar 3.9**  
**Rumput Telah Dipotong**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Lokasi: RPH Tenom  
Tarikh: 25 April 2013

**Gambar 3.10**  
**Holding Yard Tidak Beroperasi Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPH Tawau  
Tarikh: 08 Mei 2012

**Gambar 3.11**  
**Holding Yard Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Lokasi: RPH Tawau  
Tarikh: 8 April 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPH Lahad Datu  
Tarikh: 31 Julai 2012



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak  
Lokasi: RPH Lahad Datu  
Tarikh: 20 April 2013

- c. Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT telah mengeluarkan arahan kepada semua Penolong Wilayah dan Penguasa Daerah untuk menyediakan jadual dan menjalankan penyenggaraan RPH secara berkala.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan 5 RPH yang tidak beroperasi adalah tidak memuaskan kerana RPH terbiar dan dipenuhi semak samun menyebabkan kerosakan dan keusangan bangunan RPH.

### 3.4.3. Perolehan Peralatan Rumah Penyembelihan Haiwan

Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 1993 (bagi perolehan aset sebelum tahun 2010) dan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 9 Tahun 2010 (bagi perolehan aset tahun 2010 dan tahun berikutnya) menyatakan semua aset Kerajaan yang dibeli hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur bertujuan mengurangkan pembaziran, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan aset Kerajaan.

#### 3.4.3.1. Peralatan Rumah Penyembelihan Haiwan Yang Dibeli Tidak Digunakan

- a. Pada tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM130,632 telah dibelanjakan untuk pembelian peralatan di 4 RPH iaitu SMT, RPH Keningau, RPH Tenom dan RPH Lahad Datu. Peralatan penyembelihan yang dibeli antaranya adalah seperti *Stainless Steel Table*, *Stainless Steel Blood Container*, *Freezer*, *Stainless Steel Portable* dan *Chicken Bleed Table*. Butiran pembelian adalah seperti di **Lampiran A**. Hasil pemeriksaan Audit mendapati, perolehan peralatan ini dibuat untuk *Butcher Shop* SMT dan 3 buah RPH yang tidak beroperasi seperti di **Gambar 3.14** hingga **Gambar 3.18**.

**Gambar 3.14**  
**Peti Sejuk Pameran (Display Freezer) Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi : SMTK Kinarut  
Tarikh : 20 Oktober 2011

**Gambar 3.15**  
**Stainless Steel Blood Container Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SMTK Kinarut  
Tarikh: 4 September 2012

**Gambar 3.16**  
**Stainless Steel Table Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: SMTK Kinarut  
Tarikh: 4 September 2012

**Gambar 3.17**  
**Stainless Steel Portable Chicken Bleed Table Tidak Digunakan Sejak Dibeli**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: RPH Keningau  
Tarikh: 2 November 2011



**Gambar 3.18**  
**1 Set Poultry Scalding Machine Tidak Digunakan Sejak Dibeli**

Sumber : Jabatan Audit Negara  
Lokasi : RPH Tenom  
Tarikh : 2 November 2011

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan pembelian tidak mengambil kira status RPH sama ada beroperasi atau tidak. Kesannya, peralatan tersebut tidak digunakan sepenuhnya. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT memaklumkan bahawa Butcher Shop akan disewakan kepada penternak yang berminat dan freezer, meatchillers serta peralatan penyembelihan burung**

puyuh akan dipindahkan ke Unit Unggas di Bantayan. Manakala RPH yang tidak beroperasi akan disewakan berserta peralatan penyembelihan kepada pihak swasta.

Pada pendapat Audit, perolehan *freezer*, *meatchillers* dan peralatan penyembelihan di 4 RPH adalah tidak memuaskan kerana peralatan yang dibeli tidak digunakan sepenuhnya.

#### 3.4.4. Khidmat Pemeriksaan Daging Di Rumah Penyembelihan Haiwan Swasta

**3.4.4.1.** Khidmat pemeriksaan daging merupakan salah satu daripada 3 komponen utama dalam program RPH. Khidmat pemeriksaan daging yang dijalankan adalah pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem*. Pemeriksaan *ante-mortem* dijalankan sebelum penyembelihan ke atas fizikal haiwan ternakan bertujuan memastikan haiwan yang akan disembelih adalah sihat dan bebas daripada penyakit. Manakala *post-mortem* dijalankan selepas penyembelihan dengan memeriksa organ dalaman ternakan yang disembelih untuk memastikan ianya selamat dipasarkan dan dimakan. Mengikut Seksyen 4, *Meat Inspection Rules 2003, Animals Ordinance 1962: The Veterinary Authority may provide, wherever possible, meat inspection service to slaughterhouses as prescribed in the First Schedule*.

**3.4.4.2.** Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 49.72 juta ekor ternakan telah disembelih di 24 RPH swasta. Bagaimanapun, hanya 18.6 juta ekor atau 21.9% daripada 49.72 juta ekor yang disembelih diperiksa oleh 11 Pegawai Pemeriksa Daging yang bertanggungjawab. Butiran adalah seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.8**

**Bilangan Penyembelihan Dan Pemeriksaan Daging Di 24 RPH Swasta Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Wilayah	Bilangan RPH Swasta (Buah)	Bilangan Penyembelihan (Juta Ekor)	Pemeriksaan Daging		Daging Tidak Diperiksa		Bilangan Pegawai Pemeriksa Daging (Orang)
				(Juta Ekor)	Peratus (%)	(Juta Ekor)	Peratus (%)	
1.	Kota Kinabalu	8	22.21	17.80	80.15	4.41	19.85	5
2.	Tawau	6	18.87	0.46	2.44	18.41	97.56	2
3.	Sandakan	7	6.89	0.34	4.93	6.55	95.07	2
4.	Keningau	3	1.75	0	0	1.75	100.00	2
<b>Bilangan Keseluruhan</b>		<b>24</b>	<b>49.72</b>	<b>18.6</b>	<b>21.9</b>	<b>31.12</b>	<b>78.1</b>	<b>11</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

**3.4.4.3.** Hasil analisis Audit terhadap **Jadual 3.8** menunjukkan, pemeriksaan daging tidak dilaksanakan secara menyeluruh di mana sebanyak 31.12 juta ekor atau 78.1% daripada 49.72 juta ekor daging tidak diperiksa oleh pegawai Pemeriksa Daging JPHPT sebelum dipasarkan. Analisis Audit selanjutnya mendapati, khidmat pemeriksaan daging tidak pernah dijalankan terhadap penyembelihan di 3 RPH swasta, wilayah Keningau pada tahun 2010 hingga 2012.

**3.4.4.4.** Mengikut Seksyen 7, *Meat Inspection Rules 2003: The fees payable by the owner of livestock inspected at a slaughterhouse under these rules shall be as prescribed in the Fourth Schedule*. Bayaran khidmat pemeriksaan daging secara *ante-mortem* dan *post-mortem* dikenakan terhadap RPH swasta berdasarkan bilangan penyembelihan. Kadar bayaran pemeriksaan daging adalah seperti di **Jadual 3.9**.

**Jadual 3.9**  
**Kadar Bayaran Pemeriksaan Daging Bagi RPH Swasta**

Jenis Haiwan	Kadar Seekor (RM)
Lembu dan Kerbau	5.00
Kambing, Bebiri, Rusa dan Ostrich	2.00
Unggas (Poultry)	0.02
Ternakan Ruminan Lain	2.00
Ternakan Unggas Lain	0.02

Sumber: *Meat Inspection Rules 2003*

**3.4.4.5.** Semakan Audit terhadap Laporan Terimaan mendapati, bagi tahun 2010 hingga 2012 pihak JPHPT berjaya mengutip hasil daripada bayaran khidmat pemeriksaan daging sejumlah RM0.89 juta. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Laporan Penyembelihan menunjukkan jumlah ini adalah hanya 49.8% daripada jumlah hasil yang boleh dikutip iaitu RM1.79 juta bagi tempoh 2010 hingga 2012. Anggaran hasil yang kurang dikutip adalah berjumlah RM0.90 juta atau 50.2% seperti di **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Anggaran Hasil Yang Kurang Dikutip Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Tahun	Hasil Boleh Dikutip (Jumlah Penyembelihan x kadar bayaran pemeriksaan) (RM)	Jumlah Dikutip (Jumlah Pemeriksaan Daging x kadar bayaran pemeriksaan) (RM)	Anggaran Hasil Yang Kurang Dikutip (RM)	Peratus Anggaran Hasil Yang Kurang Dikutip (%)
2010	647,205	195,110	452,095	69.85
2011	628,581	486,389	142,192	22.62
2012	511,006	209,678	301,328	58.97
<b>Jumlah</b>	<b>1,786,792</b>	<b>891,177</b>	<b>895,615</b>	<b>50.2</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

**3.4.4.6.** Perkara ini berlaku disebabkan kekurangan Pegawai Pemeriksa Daging. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab, bilangan Pegawai Pemeriksa Daging yang ideal adalah 2 orang bagi setiap RPH yang membolehkan pemeriksaan *ante-mortem* dan *post-mortem* dilaksanakan secara menyeluruh. Kesannya, sebahagian daging yang dikeluarkan dari RPH diragui bebas daripada jangkitan penyakit.

**Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT memaklumkan khidmat pemeriksaan daging tidak dapat dilaksanakan dan bayaran pemeriksaan daging tidak dapat dikutip sepenuhnya kerana kekurangan Pegawai Pemeriksa Daging. Bagaimanapun, JPHPT sedang mengkaji kaedah untuk membolehkan pemeriksaan daging dilaksanakan secara menyeluruh.**

**Pada pendapat Audit, khidmat pemeriksaan daging adalah tidak memuaskan kerana penyembelihan di RPH swasta wilayah Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan dan Tawau tidak diperiksa secara menyeluruh menyebabkan hasil kurang dikutip.**

### **3.4.5. Hasil Sewa Rumah Penyembelihan Haiwan Kerajaan Tidak Dikutip**

**3.4.5.1.** Bangunan kerajaan yang disewakan kepada pihak swasta perlu ada kontrak formal bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Terma perjanjian kontrak hendaklah dirujuk kepada Peguam Besar Negeri Sabah untuk kelulusan.

**3.4.5.2.** Semakan Audit mendapati, 2 buah RPH telah disewakan kepada pihak swasta iaitu RPH Kiansom Kota Kinabalu dan RPH Batu 8 Sandakan. Penyewaan untuk RPH Kiansom adalah teratur kecuali RPH Batu 8 Sandakan. *Sandakan Livestock And Poultry Farmers Association* telah dilantik secara sementara untuk mengendalikan RPH Batu 8 Sandakan mulai 1 Jun 2004 sehingga kini. Perlantikan *Sandakan Livestock And Poultry Farmers Association* telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 13 September 2004 dengan dikenakan kadar sewa RM1,300 sebulan. Bagaimanapun, sehingga kini tiada perjanjian kontrak sewaan dibuat antara Kerajaan dengan *Sandakan Livestock And Poultry Farmers Association* bagi penyewaan RPH Batu 8 Sandakan. Semakan lanjut mendapati, pihak syarikat tidak pernah membayar sewa yang dianggarkan berjumlah RM133,900 bagi tempoh 1 Jun 2004 hingga 31 Disember 2012 (103 bulan).

**3.4.5.3.** Perkara ini berlaku disebabkan semasa pengambilalihan RPH Batu 8 Sandakan daripada Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) pada tahun 2004, JPHPT tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menjalankan operasi di RPH tersebut. *Sandakan Livestock and Poultry Farmers Association* yang sedang beroperasi ketika itu telah dilantik secara sementara untuk meneruskan operasi dengan kadar sewa yang telah ditetapkan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT memaklumkan bahawa surat untuk menuntut tunggakan sewa yang belum dijelaskan telah dikeluarkan dan perjanjian penyewaan akan dibuat bagi menjaga kepentingan Kerajaan.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan hasil sewa bagi dua RPH Kerajaan telah dilaksanakan dengan memuaskan kecuali RPH Batu 8 Sandakan kerana tiada kontrak perjanjian dimeterai antara Kerajaan dengan *Sandakan Livestock and Poultry Farmers Association* bagi membolehkan hasil sewa dikutip.**

### **3.4.6. Rumah Penyembelihan Haiwan Tanpa Lesen**

Peraturan 4 (1) *Slaughterhouse Rules* 2003 menyatakan tiada rumah yang boleh digunakan sebagai rumah penyembelihan haiwan kecuali mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh JPHPT. Peraturan 16 *Slaughterhouse Rules* 2003: *The Veterinary Authority in exercising the power of entry and investigation under the provisions of these Rules may, without prejudice*

*to the exercise of the power conferred upon him by these Rules, forthwith take such steps as he may consider necessary to close any slaughterhouse if he is satisfied that it contravenes any provision of these Rules.*

**3.4.6.1.** Semakan Audit terhadap laporan Unit Penguatkuasa Veterinar mendapati, pada tahun 2010 sehingga 2012 sebanyak 11 RPH beroperasi tanpa lesen dan telah diberi beberapa amaran oleh JPHPT atas pelbagai alasan. Butiran RPH yang beroperasi tanpa lesen dan jenis tindakan yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**  
**Senarai RPH Beroperasi Tanpa Lesen Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Lokasi RPH	Jenis Ternakan Yang Disembelih	Jenis Tindakan Yang Dikenakan
1.	Kg. Kiansom, Inanam	Ayam	Notis Amaran Pertama
2.	Kg. Pulutan, Menggatal	Ayam	Notis Amaran Pertama
3.	Kg. Kitobu, Inanam	Ayam	Notis Amaran Pertama
4.	Kg. Keliangau, Menggatal	Khinzir	Notis Amaran Pertama
5.	Kg. Kitobu, Inanam	Itik	Tiada Tindakan Dikenakan
6.	Kg. Kiambalang, Inanam	Ayam	Notis Amaran Kedua
7.	Kg. Pogunon, Penampang	Ayam	Tiada Tindakan Dikenakan
8.	Kg. Maang, Penampang	Ayam	Tiada Tindakan Dikenakan
9.	Lahad Datu	Ayam	Tiada Tindakan Dikenakan
10.	Kg. Tinosa 2, Sandakan	Ayam	Notis Amaran Pertama
11.	Kg. Cahaya Baru Batu 3, Jalan Bomba, Sandakan	Ayam	Perintah Mahkamah Untuk Menghentikan Operasi

Sumber : Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

**3.4.6.2.** Bagaimanapun, lawatan Audit ke RPH daerah Penampang pada 10 Julai 2012, Kota Kinabalu pada 24 Julai 2012 dan Sandakan pada 12 September 2012 mendapati 10 daripada 11 RPH yang dilawati masih menjalankan operasi penyembelihan seperti di **Gambar 3.19** hingga **Gambar 3.23**.

**Gambar 3.19**  
**Kawasan Penyembelihan Yang Tidak Dibersihkan**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Kiansom, Inanam  
Tarikh: 24 Julai 2012

**Gambar 3.20**  
**Tempat Penyembelihan Ayam RPH Tanpa Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tong Guan Farm, Kg. Kiambalang, Inanam  
Tarikh: 24 Julai 2012

**Gambar 3.21**  
**Tempat Menyembelih RPH Tanpa Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Pogunon, Penampang  
Tarikh: 10 Julai 2012

**Gambar 3.22**  
**Rumah Persendirian Digunakan Untuk Menyembelih Ayam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Tinosa 2, Batu 7, Sandakan  
Tarikh: 12 September 2012

**Gambar 3.23**  
**Rumah Persendirian Digunakan Untuk Menyembelih Ayam**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Cahaya Baru, Jalan Bomba, Sandakan  
Tarikh: 12 September 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Cahaya Baru, Jalan Bomba, Sandakan  
Tarikh: 12 September 2012

**3.4.6.3.** Keadaan ini disebabkan dalam *Animals Ordinance 1962* tidak memperuntukkan klausu kepada JPHPT untuk mengenakan denda terhadap RPH yang beroperasi tanpa lesen. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, JPHPT memaklumkan Unit Penguatkuasaan Veterinar akan mengambil tindakan terhadap RPH yang masih menjalankan operasi penyembelihan secara haram termasuklah ke peringkat pendakwaan sesuai dengan undang-undang yang sedia ada.**

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan veterinar terhadap RPH yang beroperasi tanpa lesen adalah tidak memuaskan kerana RPH tanpa lesen masih beroperasi walaupun surat amaran dan perintah mahkamah telah dikeluarkan.

### 3.4.7. Pelepasan Sisa Cecair Kumbahan Tidak Mematuhi Standard Parameter

**3.4.7.1.** Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, standard parameter yang perlu dipatuhi bagi memastikan sisa cecair yang disalirkan ke sistem perparitan atau alur air

adalah seperti *Biochemical Oxygen Demand* (BOD)-50mg/l, *Chemical Oxygen Demand* (COD)-100mg/l, *Total Suspended Solid* (TSS)-100mg/l.

**3.4.7.2.** Semakan Audit mendapati, daripada 2 buah RPH yang beroperasi di wilayah Kota Kinabalu, SMTC mempunyai sistem pemprosesan sisa cecair kumbahan secara kitar semula manakala RPH Kiansom menggunakan kolam takungan sebelum melepaskan sisa cecair kumbahan ke sungai berhampiran. Pihak Audit mendapati, RPH Kiansom telah menghantar sampel air ke Jabatan Kimia untuk menentukan sama ada sisa cecair kumbahan yang dilepaskan ke sungai mematuhi standard parameter yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Laporan ujian sampel air pada tahun 2010 hingga 2012 menunjukkan, kesemua 9 keputusan ujian COD dan BOD yang dibuat gagal mematuhi standard parameter yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.12**.

**Jadual 3.12**

**Keputusan Ujian Sampel Air RPH Kiansom Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Tarikh Sampel Air	Keputusan Ujian Air – COD (mg/1)	Standard Jabatan Alam Sekitar untuk COD	Keputusan Ujian Air - BOD	Standard Jabatan Alam Sekitar untuk BOD
04/05/2010	290	100	110	50
03/08/2010	1040	100	410	50
04/10/2010	400	100	120	50
01/11/2010	850	100	300	50
01/12/2010	600	100	400	50
01/06/2011	360	100	150	50
01/08/2011	2000	100	760	50
05/09/2011	1580	100	610	50
01/02/2012	780	100	338	50

Sumber: Laporan Jabatan Kimia Negeri Sabah

- a. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati JPHPT tidak mengambil tindakan untuk memastikan sisa cecair kumbahan hasil dari operasi RPH Kiansom mematuhi standard parameter yang ditetapkan. Untuk tujuan pengesahan lanjut, pihak Audit juga menjalankan ujian parameter sisa cecair kumbahan hasil dari operasi RPH Kiansom bersama JAS pada 8 Ogos 2012. Hasil keputusan analisa terhadap 5 ujian parameter sisa cecair kumbahan RPH Kiansom mendapati tidak mematuhi 4 daripada 5 ujian standard parameter tersebut. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.13**.

**Jadual 3.13**

**Keputusan Analisa Kimia Oleh JAS Terhadap BOD, COD dan Ammonikal Nitrogen**

Bil.	RPH	Parameter	Standard Jabatan Alam Sekitar	Keputusan Ujian	Tahap Kepatuhan
1.	RPH Kiansom	Pepejal Terampai (ml/l)	100	75	Patuh
		BOD (5 hari pada 20°C)	50	1110	Tidak Patuh
		Ammonikal Nitrogen (mg/l)	20	280	Tidak Patuh
		Chemical Oxygen Demand (mg/l)	100	3560	Tidak Patuh
		Minyak dan gris (mg/l)	10	11	Tidak Patuh

Sumber : Laporan Jabatan Alam Sekitar Sabah

- b. Perkara ini berlaku disebabkan loji rawatan dan kolam kumbahan tidak disenggara di mana pada tahun 2010 hingga 2012, pembersihan loji rawatan dan kolam kumbahan dilaksanakan sekali sahaja. Kesannya, sisa cecair kumbahan yang dilepaskan tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 19 April 2013, pihak JPHPT akan memantau rapi operasi RPH Kiansom dan surat amaran telah dikeluarkan kepada SKH Ventures Sdn Bhd yang beroperasi di RPH tersebut.**

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan loji rawatan dan kolam kumbahan RPH Kiansom adalah tidak memuaskan kerana kandungan BOD, COD dan Ammonikal Nitrogen sisa cecair yang dilepaskan ke sungai tidak mematuhi standard parameter yang ditetapkan.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan rumah penyembelihan haiwan dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak (JPHPT) mengambil langkah berikut:

- 3.5.1.** Mempromosi dan menggalakkan penternak dan individu untuk menyembelih haiwan ternakan di rumah penyembelihan haiwan kerajaan dan swasta yang berlesen.
- 3.5.2.** Menyewakan rumah penyembelihan haiwan kerajaan kepada pihak swasta yang berminat.
- 3.5.3.** Merancang pembelian peralatan dengan teliti untuk memastikan peralatan yang dibeli digunakan sepenuhnya bagi mengelakkan pembaziran dan kehilangan.
- 3.5.4.** Melaksanakan khidmat pemeriksaan daging secara menyeluruh.
- 3.5.5.** Memastikan hasil dikutip dan memeterai perjanjian kontrak penyewaan rumah penyembelihan haiwan.
- 3.5.6.** Melaksanakan penguatkuasaan veterinar dengan pemeriksaan secara berkala terhadap rumah penyembelihan haiwan kerajaan dan swasta. Menambah klausa mengenakan denda terhadap rumah penyembelihan haiwan yang beroperasi tanpa lesen dan melepaskan sisa cecair kumbahan yang tidak mematuhi standard parameter ke sungai.

**LAMPIRAN A**

**Butiran Pembelian Freezer Dan Meatchillers Dan Peralatan Penyembelihan**

Bil.	Perihal Pembelian	Lokasi	Bilangan (Unit)	Harga (RM)
1.	Acson Brand 400L, Chest Frezer Model ACF407	SMTC	1	2,200
2.	Koxra Freezer C/W Stand 8		1	10,700
3.	Granite Meatchillers Showcase 4'		1	8,800
4.	Stainless Steel Blood Container		2	1,800
5.	Stainless Steel Table		2	7,850
6.	<b>Stainless Steel Portable Chicken Bleed Table Gambar 3.17</b>	RPH Keningau	1	18,582
7.	S/steel meja (60”L x 36”W x 36”H)	RPH Tenom	1	1,650
8.	Meja Eveceration s/steel (60”L x 24”W x 36”H)		1	1,350
9.	Meja untuk inspection (96”L x 24”W x 36”H)		1	1,650
10.	Trolley(48”L x 24”W)		1	900
11.	Water Bath (36”L x 24”W x 36”H)		1	1,300
12.	Kerusi (15’x 6’)		1	800
13.	Corong bleeding untuk 20 ekor		2	4,240
14.	S/Steel trolley untuk simpanan darah		2	3,100
15.	Tempat letak kuali kawah		1	450
16.	Tong gas dan isi gas		2	230
17.	Dapur gas 1 mata		1	250
18.	Kuali kawah		1	250
19.	Poultry Scalding Machine		1	8,700
20.	Victorinox 6" boning knife		4	2,780
21.	Gum Boot Size 10		2	1,168
22.	Victormox 6" Skinning Knife		6	4,134
23.	Mesh Glove Size M		3	7,689
24.	Victormox Sticking Knife		2	1,376
25.	Anti Fog Spectacles		3	864
26.	Cap Bump		6	2,316
27.	Victorinox 13" butcher knife		1	946
28.	Gum Boots Size 7		3	1,752
29.	Gum Boots Size 8		3	1,752
30.	Gum Boots Size 9		3	1,752
31.	Stainless Steel Industrial Bucket		3	2,067
32.	Head Hook Stainless Steel		3	2,385
33.	Galvanised Steel Cradle		1	8,436
34.	9" Oil Stone		6	2,808
35.	Double Poly/Chain		6	5,916
36.	Mesh Glove (Saiz S)		3	7,689
<b>Jumlah</b>				<b>130,632</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

### 4. SUPERPANEL (SABAH) SDN. BHD.

#### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd. (Superpanel) adalah sebuah syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) iaitu sebuah Agensi Kerajaan Negeri Sabah. Superpanel ditubuhkan pada 8 Julai 1978 di bawah Akta Syarikat 1965. Modal saham dibenarkan adalah berjumlah RM2 juta dan modal saham berbayar adalah berjumlah RM0.90 juta. Objektif penubuhan Superpanel adalah untuk membantu LPPB dalam merancang dan membangunkan skim perumahan untuk rakyat.

4.1.2. Aktiviti utama Superpanel adalah pengurusan harta tanah. Selain itu, terdapat juga aktiviti sampingan seperti perniagaan besi lusuh dan agen insurans untuk menambah pendapatan Superpanel. Pejabat Superpanel adalah seperti di **Gambar 4.1**.



**Gambar 4.1**  
**Pejabat Superpanel (Sabah) Sdn. Bhd.**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Alamesra, Kota Kinabalu  
Tarikh: 12 Oktober 2012

4.1.3. Lembaga Pengarah Superpanel adalah seramai 6 orang yang terdiri daripada 5 orang ahli politik/perniagaan dan seorang kakitangan awam. Superpanel ditadbir oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seramai 4 orang kakitangan.

#### 4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Superpanel adalah memuaskan atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### 4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2010 hingga 2012. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan

dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dijalankan. Analisis terhadap penyata kewangan yang merangkumi nisbah dan trend untuk tempoh 3 tahun iaitu bagi tahun 2009 hingga 2011 telah dilakukan. Pemeriksaan fizikal terhadap aset telah dilakukan dan lawatan ke tapak projek perumahan di Tuaran, Sabah juga telah dijalankan.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga bulan Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan Superpanel adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2009 hingga 2011. Kerugian terkumpul pada tahun 2011 adalah berjumlah RM1.97 juta. Pengurusan aktiviti utama seperti pengurusan hartaanah, agen insurans dan perniagaan jual beli besi lusuh serta tadbir urus korporat Superpanel pula adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pengurusan hartaanah untuk tempoh tahun 2009 hingga 2011 tidak berdaya maju dan aktiviti terhad.
- Bilangan *corporate nominee* sebagai agen insurans tidak mencukupi.
- Pembelian dan penjualan besi lusuh melalui agen tidak memberi pulangan maksimum kepada Superpanel.
- Prestasi kewangan adalah kurang memuaskan dari aspek kecekapan dan kestabilan.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* tidak disediakan.
- Pengurusan sumber manusia dan aset kurang teratur.

##### **4.4.1. Prestasi Kewangan**

Bagi menentukan prestasi kewangan Superpanel, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan bagi butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

###### **4.4.1.1. Analisis Trend**

Dalam tempoh tahun 2009 hingga 2011, pendapatan Superpanel adalah berjumlah RM0.23 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM1.20 juta. Pendapatan adalah terdiri daripada hartaanah, komisen sebagai agen insurans dan perniagaan jual beli besi lusuh. Analisis trend pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti berikut:


- a. Pada tahun 2009, pendapatan daripada harta tanah adalah berjumlah RM0.14 juta atau 78.8% daripada jumlah pendapatan keseluruhan tahun 2009. Bagaimanapun, tidak ada pendapatan harta tanah dicatatkan untuk tempoh tahun 2010 dan 2011. Selain itu, pendapatan daripada komisen insurans adalah berjumlah RM3,998 hingga RM38,498 setahun atau 21.2% hingga 82% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pendapatan daripada perniagaan besi lusuh pula telah menjana RM6,352 dan RM6,555 atau 17.8% dan 60.6% pada tahun 2011 dan 2010. Manakala tidak ada pendapatan daripada perniagaan besi lusuh pada tahun 2009. Ini menunjukkan pendapatan daripada aktiviti adalah terlalu rendah dan jika berterusan akan menjaskan operasi Superpanel.
  
- b. Perbelanjaan Superpanel bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah antara RM0.34 juta hingga RM0.43 juta. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan adalah turun naik iaitu perbelanjaan meningkat daripada RM0.34 juta pada tahun 2009 menjadi RM0.43 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sejumlah RM0.09 juta atau 20.9%. Pada tahun 2011, perbelanjaan telah menurun sedikit berjumlah RM0.01 juta atau 2.4% menjadi RM0.42 juta berbanding perbelanjaan tahun 2010.
  
- c. Setakat 31 Disember 2011, kerugian terkumpul Superpanel adalah berjumlah RM1.97 juta dan telah melebihi modal berbayar berjumlah RM0.90 juta. Ini menunjukkan, Superpanel bergantung kepada pinjaman daripada LPPB untuk meneruskan operasinya. Kesannya, pengurusan Superpanel lemah dan tidak berdaya saing.
  
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

**Jadual 4.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Superpanel**  
**Bagi Tempoh 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Jumlah Pendapatan	181,232	10,820	35,636
Jumlah Perbelanjaan	(342,615)	(434,905)	(419,186)
<b>Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai</b>	<b>(161,383)</b>	<b>(424,085)</b>	<b>(383,550)</b>
Cukai Pendapatan	-	(416)	-
<b>Keuntungan/(Kerugian) Bersih</b>	<b>(161,383)</b>	<b>(424,501)</b>	<b>(383,550)</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul</b>	<b>(1,161,414)</b>	<b>(1,585,915)</b>	<b>(1,969,465)</b>


Sumber: Penyata Kewangan Superpanel

**Carta 4.1**  
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Superpanel

**Carta 4.2**  
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Superpanel

#### 4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah kewangan yang telah dijalankan adalah Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Atas Aset dan Nisbah Pulangan Atas Ekuiti. Hasil analisis kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Nisbah Semasa	0.10:1	0.04:1	0.06:1
Margin Keuntungan (%)	-89.1	-3,919.5	-1,076.3
Nisbah Pulangan Atas Aset	-1.17:1	-4.11:1	-3.61:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.89:1	0.90:1	0.44:1

Sumber: Penyata Kewangan Superpanel

##### a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan syarikat berkemampuan untuk membayar hutang manakala Nisbah Kecairan pada kadar 1:1 adalah dianggap setara. Semakin tinggi nisbah ini, semakin baik kerana aset semasa dapat ditukar dengan segera kepada tunai untuk melunaskan hutang semasa. Analisis Audit mendapati, Nisbah Semasa bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah antara 0.04:1 hingga 0.10:1. Ini menunjukkan Superpanel mempunyai keupayaan yang terhad untuk menjelaskan keseluruhan tanggungan semasanya.

**b. Margin Keuntungan**

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang diperolehi daripada perniagaan sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, Superpanel telah mencatat kerugian 89.1% hingga 3,919.5% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Berdasarkan kepada analisis mendapati, tahap kecekapan operasi Superpanel adalah tidak memuaskan kerana terus mencatatkan kerugian untuk 3 tahun berturut-turut.

**c. Nisbah Pulangan Atas Aset**

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati, Nisbah Pulangan Atas Aset bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah antara -1.17:1 hingga -4.11:1. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap ringgit yang dilaburkan atas aset, Superpanel telah mengalami kerugian berjumlah RM1.17 hingga RM4.11 untuk tahun 2009 hingga 2011.

**d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Mengikut perkiraan Audit, jumlah pulangan pelaburan daripada ekuiti adalah antara 0.44:1 hingga 0.90:1. Ini menunjukkan Superpanel kurang cekap dalam mengurus ekuitinya.

**e. Berdasarkan maklum balas pada 5 April 2013, prestasi kewangan Superpanel adalah semakin baik pada tahun 2012. Superpanel telah berjaya mengurangkan kerugian daripada RM383,550 pada tahun 2011 kepada RM80,904 pada tahun 2012. Selain itu, aliran tunai Superpanel meningkat sedikit pada tahun 2012 berjumlah RM74,863 berbanding RM33,970 pada tahun 2011. Bagaimanapun, tidak ada pendapatan diterima daripada aktiviti agen insurans**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Superpanel adalah tidak memuaskan kerana kedudukan kewangan tidak stabil dan telah mengalami kerugian bagi tahun 2009 hingga 2011.

#### **4.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Kawalan terhadap pengurusan aktiviti adalah penting bagi memperolehi keuntungan untuk membolehkan syarikat mencapai objektif utama yang ditetapkan. Selain itu, kawalan operasi yang cekap dan berkesan tanpa mengabaikan aspek kualiti dapat membantu pihak pengurusan menjimatkan kos. Aktiviti Superpanel adalah dalam bidang harta tanah dan lain-lain aktiviti seperti agen insurans dan perniagaan besi lusuh. Dalam tempoh 5 tahun iaitu tahun 2008 hingga 2012, pendapatan daripada aktiviti Superpanel adalah berjumlah RM1.44 juta seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Pendapatan Superpanel Bagi Tahun 2009 Hingga 2012**

Pendapatan	Tahun					Jumlah (RM)
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	
Harta tanah	962,386	142,734	0	0	194,960	1,300,080
Komisyen insurans	21,848	38,498	3,998	29,215	0	93,559
Perniagaan Besi Lusuh	0	0	6,555	6,352	29,967	42,874
Lain-lain Pendapatan	2,065	0	267	69	0	2,401
<b>Jumlah</b>	<b>986,299</b>	<b>181,232</b>	<b>10,820</b>	<b>35,636</b>	<b>224,927</b>	<b>1,438,914</b>

Sumber: Superpanel

##### **4.4.2.1. Pengurusan Hartanah**

Dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2012, pendapatan daripada aktiviti harta tanah adalah berjumlah RM1.30 juta. Aktiviti harta tanah yang diceburi oleh Superpanel bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah hanya projek perumahan di Kg. Serusup, Tuaran seperti berikut:

- a. Pada bulan April 2011, Superpanel telah menandatangani satu perjanjian dengan LPPB di mana Superpanel telah diberi tanggungjawab untuk memantau prestasi kontraktor pembiaya (*Financing Contractor*) bagi projek perumahan dua tingkat di Kg. Serusup, Tuaran yang terdiri daripada 209 unit rumah teres dengan kos projek berjumlah RM41 juta.
- b. Pada 21 Mei 2012, LPPB sebagai pemaju telah menandatangani perjanjian *Joint Venture* dengan *Financing Contractor* bagi projek perumahan di Kg. Serusup, Tuaran. Berdasarkan perjanjian, LPPB dan kontraktor bersetuju melantik Syarikat sebagai pemantau prestasi kontraktor dan projek. Sebagai imbuhan, Superpanel akan menerima bayaran berjumlah RM2.12 juta bermula pada 21 Mei 2012 hingga 21 Ogos 2015. Imbuhan tersebut akan dibayar oleh kontraktor dan disalurkan melalui LPPB. Bayaran akan dibuat dalam 2 kaedah iaitu secara tunai berjumlah RM829,494 dan kontra bagi menjelaskan pinjaman kepada LPPB berjumlah RM1.29 juta.
- c. Semakan Audit mendapati, setakat 21 Disember 2012 Superpanel telah menerima bayaran berjumlah RM194,960. Kesan pelaksanaan perjanjian projek perumahan

tersebut telah memberikan pulangan hasil dan meningkatkan pendapatan Superpanel.

#### **4.4.2.2. Agen Insurans**

LPPB telah melantik Superpanel sebagai agen untuk mengurus semua urusan yang berkaitan dengan insurans LPPB dan syarikat Kuala Menggatal Development Corporation Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik LPPB. Superpanel merupakan agen insurans kepada Progressive Insurance Bhd.. Mengikut *General Insurance Agents Registration And Regulation* yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), syarikat yang berminat untuk menjadi agen insurans perlu berdaftar dengan PIAM dan perlu diwakili oleh kakitangan yang mempunyai *corporate nominee*. Bagi tempoh 2008 hingga 2012, pendapatan yang diperoleh melalui komisen agen insurans adalah berjumlah RM93,559. Semakan Audit terhadap pendaftaran agen insurans dengan PIAM mendapati perkara berikut:

- a. *Agency Agreement* yang ditandatangani di antara Superpanel dengan Progressive Insurance Bhd. telah ditamatkan pada bulan November 2009 kerana pendaftaran Superpanel sebagai agen dengan PIAM telah tamat tempoh pada 30 Jun 2009 dan tidak diperbaharui. Dari bulan November 2009 hingga September 2012, Superpanel tidak dapat didaftarkan sebagai agen insurans disebabkan ketiadaan *corporate nominee*. Ini disebabkan *corporate nominee* Superpanel telah ditamatkan perkhidmatannya pada 1 September 2008 kerana terlibat dengan kes penyelewengan wang syarikat berjumlah RM827,778 dan perkara ini masih dalam siasatan pihak Polis.
- b. Semasa tempoh ketiadaan *corporate nominee*, Superpanel telah melantik 2 syarikat swasta sebagai agen insurans iaitu Fair Horizon Sdn. Bhd. yang berkuat kuasa dari 16 Julai 2010 hingga 15 Julai 2011 dan L.B Associates yang berkuatkuasa untuk tempoh 13 Ogos hingga 11 Ogos 2011. Hasil komisen yang diperoleh dibahagikan 70% kepada Superpanel dan 30% kepada syarikat swasta yang dilantik bagi transaksi yang berjaya dilaksanakan.
- c. Pada bulan September 2011, seorang pegawai Superpanel telah lulus peperiksaan *Pre-Contract Examination for Insurance Agents* (PCEIA) dan boleh menjadi *corporate nominee* bagi Superpanel. Pendaftaran *corporate nominee* pegawai tersebut telah diluluskan dan berkuat kuasa bagi tempoh 10 September 2012 sehingga 30 September 2014. Seterusnya, *Agency Agreement* telah ditandatangani oleh Superpanel pada 10 September 2012 untuk membolehkan Superpanel menjadi agen insurans kepada Progressive Insurance Bhd..
- d. Kesannya, kebergantungan kepada seorang *corporate nominee* adalah berisiko tinggi dan boleh mengakibatkan Superpanel ditamatkan perkhidmatannya sebagai agen insurans sekiranya pegawai yang berkelayakan tersebut berhenti atau meninggalkan

Syarikat. **Berdasarkan maklum balas pada 5 April 2013, pihak Superpanel akan menambah bilangan corporate nominee tertakluk kepada perkembangan perniagaan insurans dengan melantik kakitangan berkelayakan atau mengarahkan kakitangan sedia ada untuk menduduki peperiksaan berkaitan.**

#### **4.4.2.3. Perniagaan Besi Lusuh**

Pada tahun 2009, Superpanel telah dilantik sebagai kontraktor pemungut dan pembeli besi lusuh daripada semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah melalui Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2/2009 bertarikh 11 Mac 2009. Surat Pekeliling tersebut juga telah melantik sebuah syarikat swasta sebagai agen pemungut dan pembeli besi lusuh bagi pihak Superpanel. Tempoh kontrak adalah selama 20 tahun iaitu mulai 31 Mac 2009 hingga 30 Mac 2029.

- a. Superpanel telah menamatkan khidmat syarikat swasta tersebut kerana perjanjian tidak ditandatangani. Kementerian Kewangan Negeri Sabah seterusnya telah mengeluarkan surat pindaan pertama kepada Surat Pekeliling Bil 2/2009 untuk melantik sebuah lagi syarikat lain sebagai agen Superpanel dan surat pelantikan syarikat swasta tersebut telah dikeluarkan pada 21 November 2011.
- b. Pada tahun 2012, Superpanel telah membuat pembelian dan penjualan besi lusuh tanpa melalui syarikat swasta. Hasil pendapatan daripada urusniaga yang dibuat oleh Superpanel adalah lebih tinggi berbanding 2 syarikat swasta yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Hasil yang diperoleh oleh Superpanel adalah antara RM150 hingga RM250 setiap tan berbanding syarikat swasta yang hanya membayar sejumlah RM50 hingga RM70 setiap tan. Oleh itu, Superpanel telah memohon kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan untuk mengurus pembelian dan penjualan besi lusuh secara dalaman tanpa melalui agen untuk memaksimumkan pendapatan.
- c. Semakan Audit mendapati tidak ada kakitangan khas yang ditugaskan untuk memantau urusniaga pembelian dan penjualan besi lusuh. Pihak Audit difahamkan pemantauan perniagaan besi lusuh dibuat oleh Pengurus Superpanel. Oleh itu, terdapat urusniaga dibuat tanpa kehadiran kakitangan Superpanel di lokasi untuk memastikan ketepatan pendapatan yang diperoleh. Selain itu, pihak Superpanel tidak dapat memastikan sama ada semua agensi Kerajaan Negeri menjual besi lusuh kepada Superpanel selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Bil. 2/2009. **Berdasarkan maklum balas pada 5 April 2013, pihak Superpanel tidak melantik kakitangan untuk mengendalikan perniagaan besi lusuh kerana kuantiti yang dipungut adalah terhad kepada jabatan Kerajaan dan sebahagian agensinya sahaja. Selain itu, tinjauan Superpanel mendapati agensi Kerajaan yang menjana kewangan sendiri tidak mematuhi pekeliling tersebut kerana harga yang ditawarkan adalah terlalu rendah.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Superpanel adalah kurang memuaskan kerana aktiviti terhad dan tidak berdaya maju. Selain itu, objektif utama Superpanel untuk membantu LPPB merancang dan membangunkan skim perumahan untuk rakyat belum terlaksana.**

#### **4.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat Superpanel mendapati perkara berikut:

##### **4.4.3.1. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk merancang dan melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. Bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau - *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Pihak Audit mendapati, mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4, 3 dan 4 kali pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah juga adalah memuaskan. Selain daripada ahli Lembaga Pengarah, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat dan Pengurus. Selain itu, Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat khas sebanyak sekali pada tahun 2011.

##### **4.4.3.2. Mesyuarat Agung Tahunan**

Superpanel telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 143, Akta Syarikat 1965. Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 22 Jun 2010, 20 Jun 2011 dan 21 Jun 2012 bagi menerima Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, 2010 dan 2011.

##### **4.4.3.3. Sistem Dan Prosedur**

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat mencapai misi dan objektifnya. *Standard Operating Procedures* (SOP) merupakan rujukan penting kepada setiap anggota kerana dokumen ini mengandungi segala fungsi, prosedur, proses kerja dan kuasa kewangan yang diturunkan kepada Bahagian dan pegawai yang bertanggungjawab. SOP hendaklah dipanjangkan kepada kakitangan sebagai rujukan utama kepada anggota semasa menjalankan tugas. Semakan

Audit mendapati, Superpanel tidak menyediakan peraturan tersebut untuk dijadikan panduan dalam mengurus aktiviti kewangan dan perakaunan. **Berdasarkan maklum balas pada 5 April 2013, pihak Superpanel akan menyediakan SOP.**

#### **4.4.3.4. Pembayaran Dividen**

Pekeliling Perbendaharaan Tahun 1993 dan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bilangan 7 Tahun 2001 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Mengikut pekeliling tersebut, syarikat yang memperoleh keuntungan tetapi tidak membayar dividen kepada pemegang saham perlu mengemukakan penjelasan kepada Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati, Superpanel tidak mengisyiharkan pembayaran dividen kepada pemegang sahamnya (LPPB) pada tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 kerana Syarikat telah mengalami kerugian.

#### **4.4.3.5. Pembayaran Insentif**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Semakan Audit mendapati, Superpanel hanya membayar insentif kepada kakitangannya pada tahun 2011 dan 2012 untuk menghargai perkhidmatan mereka kerana mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.38 juta pada tahun 2011.

#### **4.4.3.6. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit hendaklah ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan untuk meningkatkan kawalan pengurusan dan kewangan serta menjaga kepentingan Kerajaan. Jawatankuasa Audit perlu melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat Syarikat Induk. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah tidak kurang daripada 3 orang ahli dan tidak melebihi 5 orang ahli. Tiga orang ahli termasuk Pengurus mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang yang bukan pengarah dan bukan dari pengurusan Syarikat Induk. Setiausaha Jawatankuasa pula ialah Pengurus atau Pegawai Audit Dalaman Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk mewujudkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan pada bulan Februari 2012. Keahlian Jawatankuasa adalah terdiri daripada semua Ahli Lembaga Pengarah iaitu 5 orang dan ini adalah bercanggah dengan kehendak pekeliling tersebut. **Berdasarkan maklum balas pada 5 April 2013, pihak Superpanel akan menyemak semula keahlian Jawatankuasa tersebut.**

#### **4.4.3.7. Pengurusan Kewangan**

Pengauditan pengurusan kewangan meliputi aspek kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Kelemahan dalam pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

- a. Pengasingan tugas tidak dilaksanakan di mana pegawai akaun menjalankan tugas mengeluarkan dan mencatat resit, menyediakan Penyata Penyesuaian Bank, menyediakan Baucar Bayaran dan cek, menyimpan kutipan dan menyelenggara rekod Panjar Wang Runcit.
- b. Perolehan dibuat melalui pembelian terus tanpa pesanan pembelian atau surat pesanan rasmi.
- c. Tidak ada kakitangan khas dilantik untuk membuat perolehan.
- d. Terdapat aset tidak direkod dalam daftar atau senarai aset serta aset yang rosak tidak dilupus.
- e. Penyenggaraan fail dan rekod Superpanel tidak teratur di mana fail tidak diberi nombor rujukan dan surat serta dokumen dalam fail tidak diberikan nombor folio.
- f. **Berdasarkan maklum balas pada 5 April 2013, pihak Superpanel akan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelemahan dalam pengurusan kewangan yang dibangkitkan mengikut SOP yang akan disediakan.**

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi memantapkan pengurusan Superpanel dari aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

- 4.5.1.** Aktiviti Superpanel perlu ditingkatkan agar dapat bersaing di pasaran tempatan dan seterusnya menjana dan meningkatkan pendapatan Superpanel.
- 4.5.2.** Superpanel perlu menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang lengkap dan kemas kini bagi memastikan pengurusan aktiviti dan kewangan adalah teratur dan mematuhi peraturan serta prosedur yang ditetapkan.
- 4.5.3.** Sistem fail perlu dikemas kini untuk memastikan semua dokumen rasmi disimpan dalam fail dan mempunyai nombor folio untuk memudahkan rujukan dibuat.

## KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH

### 5. SABAH FISH MARKETING SDN. BHD.

#### 5.1. LATAR BELAKANG

**5.1.1.** Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA) ditubuhkan pada 5 Februari 1982 di bawah Akta Syarikat 1965. SAFMA merupakan anak syarikat Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) iaitu sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah. Modal saham dibenarkan adalah sejumlah RM72 juta dan berbayar sejumlah RM71.07 juta. SAFMA ditubuhkan hasil daripada cetusan dan penilaian bersama antara Bank Pembangunan Asia dengan Kerajaan Negeri Sabah terhadap pembangunan industri perikanan di Sabah.

**5.1.2.** Objektif penubuhan SAFMA adalah untuk mengembang dan membangunkan industri perikanan di Sabah iaitu merangkumi aspek penyediaan infrastruktur perikanan seperti jeti pendaratan ikan dan kilang ais serta menyediakan khidmat sokongan kepada para nelayan dalam mendapatkan kemudahan asas seperti air dan makanan, ais, minyak diesel bersubsidi dan kelengkapan peralatan nelayan seperti pukat dan pelampung. SAFMA mempunyai 9 ahli Lembaga Pengarah iaitu seorang pengurus dan 8 ahli yang terdiri daripada 6 orang ahli perniagaan dan 2 orang kakitangan awam. SAFMA ditadbir oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh seramai 51 kakitangan pelbagai gred.

**5.1.3.** SAFMA memiliki 4 kompleks perikanan. Bagaimanapun, 2 daripada kompleks tersebut iaitu Kompleks Perikanan Labuan dan Tawau telah dijual kepada agensi Kerajaan masing-masing pada tahun 2009 dan 2010. Lokasi Kompleks Perikanan SAFMA adalah seperti di **Peta 5.1**.

**Peta 5.1**  
**Lokasi Kompleks Perikanan SAFMA**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat kukuh atau sebaliknya dan pengurusan aktiviti utama serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

## **5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tempoh 3 tahun iaitu tahun 2010 hingga 2012. Metodologi pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dijalankan. Analisis terhadap penyata kewangan telah dilakukan untuk menilai prestasi kewangan SAFMA. Pemeriksaan fizikal terhadap aset telah dilaksanakan dan lawatan ke Kompleks Perikanan SAFMA di Kota Kinabalu, Tawau dan Semporna telah dijalankan.

## **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2011 hingga Mac 2012 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan kecuali liabiliti semasa melebihi jumlah keseluruhan aset syarikat dan kerugian terkumpul melebihi modal syarikat. Bagaimanapun, prestasi kewangan SAFMA bertambah baik dengan mencatatkan keuntungan sejumlah RM16.51 juta pada tahun 2011. Pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat juga adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan seperti berikut:

- Tunggakan sewa Kompleks Perikanan Semporna bagi tempoh 2005 hingga 2011 berjumlah RM1.16 juta belum dibayar oleh penyewa.
- *Standard Operating Procedures* dan *Terms And Condition Of Service* tidak kemas kini.
- Pembayaran bonus tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.
- Pengurusan aset kurang memuaskan.

### **5.4.1. Prestasi Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan SAFMA, analisis trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

#### **5.4.1.1. Analisis Trend**

Pada tahun 2009 hingga 2011, jumlah pendapatan adalah antara RM3.50 juta hingga RM22.09 juta setahun. Manakala, jumlah perbelanjaan adalah antara RM3.70 juta hingga RM5.46 juta setahun bagi tempoh yang sama. Analisis terhadap pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti berikut:


- a. Pendapatan SAFMA adalah terdiri daripada 3 komponen utama iaitu pendapatan operasi, lain-lain pendapatan dan faedah simpanan tetap. Pendapatan operasi merupakan penyumbang utama kepada pendapatan SAFMA yang dijana daripada hasil jualan produk laut, sewaan premis/bangunan dan fasiliti, komisen daripada penjualan diesel dan sebagainya. Pendapatan operasi telah menyumbang antara RM2.53 juta hingga RM3.13 juta atau 11.5% hingga 89.4% daripada pendapatan SAFMA. Manakala, lain-lain pendapatan telah menjana RM0.37 juta hingga RM19.56 juta atau 10.6% hingga 88.6% kepada pendapatan SAFMA. Pada tahun 2011, lain-lain pendapatan telah menunjukkan peningkatan berjumlah RM16.12 juta (470%) berbanding tahun 2010 dan meningkat sejumlah RM3.06 juta (872.5%) berbanding tahun 2009. Faktor penyumbang dalam peningkatan drastik adalah disebabkan oleh keuntungan daripada penjualan aset syarikat. Selain itu, pendapatan faedah simpanan tetap telah menyumbang antara RM0.13 juta hingga RM0.19 juta atau 2.5% hingga 5.6%.
- b. Analisis Audit mendapati, trend perbelanjaan syarikat menurun sejumlah RM0.28 juta pada tahun 2010 berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, pada tahun 2011 perbelanjaan syarikat meningkat sejumlah RM1.76 juta berbanding tahun 2010.
- c. Pada tahun 2010 dan 2011, SAFMA telah mencatatkan keuntungan selepas cukai masing-masing berjumlah RM2.65 juta dan RM16.51 juta. Keuntungan selepas cukai SAFMA pada tahun 2011 adalah hasil daripada penjualan Kompleks Perikanan SAFMA di daerah Tawau kepada agensi kerajaan.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian SAFMA bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

**Jadual 5.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/(Rugi) SAFMA**  
**Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan	3,131,283	3,006,593	2,531,714
Kos Jualan	(238,618)	(218,049)	(251,120)
<b>Untung Kasar</b>	<b>2,892,665</b>	<b>2,788,544</b>	<b>2,280,594</b>
Lain-Lain Pendapatan	370,207	3,433,551	19,556,643
Lain-Lain Perbelanjaan	(3,738,514)	(3,485,533)	(5,213,688)
<b>Untung/(Rugi) Bersih Sebelum Cukai</b>	<b>(475,642)</b>	<b>2,736,562</b>	<b>16,623,549</b>
Cukai	(170,708)	(88,838)	(114,914)
<b>Untung/(Rugi) Bersih Selepas Cukai</b>	<b>(646,350)</b>	<b>2,647,724</b>	<b>16,508,635</b>
<b>Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul</b>	<b>(106,121,490)</b>	<b>(103,473,766)</b>	<b>(86,965,131)</b>

Sumber: Penyata Kewangan SAFMA

**Carta 5.1**  
**Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan SAFMA

**Carta 5.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**



Sumber: Penyata Kewangan SAFMA

#### 5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah kewangan yang telah dijalankan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.12 : 1	0.20 : 1	0.46 : 1
Margin Keuntungan	-15.2%	91%	656.61%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.02 : 1	0.13 : 1	0.55 : 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	Ekuiti Defisit	Ekuiti Defisit	Ekuiti Defisit

Sumber: Penyata Kewangan SAFMA

- a. **Nisbah Semasa** digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa SAFMA adalah antara 0.12:1 hingga 0.46:1 pada tahun 2009 hingga 2011. Ini menunjukkan bahawa tahap kecairan aset semasa SAFMA adalah rendah dan kurang berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendeknya.
- b. **Margin Keuntungan** digunakan untuk mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh daripada perniagaan sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Mengikut analisis Audit, SAFMA telah menjana pendapatan 91 sen dan RM6.57 bagi setiap ringgit hasil pendapatan masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun, syarikat telah mengalami kerugian berjumlah 15 sen bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2009. Berdasarkan kepada margin ini, keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan semakin meningkat. Bagaimanapun, tahap kecekapan operasi SAFMA adalah kurang memberangsangkan dan tidak begitu proaktif menghasilkan pendapatan kerana keuntungan pada tahun 2010 dan 2011 diperoleh melalui peningkatan pada lain-lain pendapatan.
- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** digunakan untuk mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang dilaburkan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, nisbah kecekapan SAFMA pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing adalah 0.13:1 dan 0.55:1. Bagaimanapun, setiap ringgit pelaburan aset yang dilakukan oleh SAFMA telah mengalami kerugian sejumlah 2 sen pada tahun 2009. Ini menunjukkan bahawa SAFMA telah menunjukkan sedikit peningkatan dari segi keupayaan untuk mengurus aset dengan lebih cekap bagi memperoleh pulangan yang munasabah pada tahun 2011.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** digunakan untuk mengukur pulangan ke atas jumlah ekuiti syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit ekuiti yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Berdasarkan penyata kewangan bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2009 hingga 2011, SAFMA telah mengalami ekuiti defisit iaitu sejumlah RM35.05 juta, RM32.40 juta dan RM15.89 juta masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Pada pendapat Audit, pulangan ke atas ekuiti tidak dapat diukur dan dinilai dengan tepat kerana jumlah ekuiti adalah defisit.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SAFMA adalah memuaskan kecuali Nisbah Semasa dan Pulangan Atas Ekuiti perlu ditingkatkan.**

## 5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap dan berkesan adalah penting bagi membolehkan syarikat mencapai objektif utama yang ditetapkan serta memenuhi kehendak pelanggan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan aktiviti SAFMA seperti sewaan, penjualan ais, air dan minyak diesel mendapati perkara berikut:

### 5.4.2.1. Pengurusan Sewaan

Pengurusan sewaan perlu cekap dan sistematik supaya dapat memaksimumkan pulangan hasil dan meningkatkan pendapatan. SAFMA memiliki 4 kompleks perikanan iaitu Kompleks Perikanan Kota Kinabalu, Tawau, Semporna dan Labuan. Berdasarkan penyata kewangan, kutipan hasil sewaan telah menyumbang pendapatan antara RM1.20 juta hingga RM1.96 juta pada tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 5.3**. Premis/bangunan dan fasiliti yang disewakan serta caj yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.3**

**Pendapatan Caj Fasiliti Dan Sewaan Kompleks Perikanan SAFMA  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Perihal Pendapatan	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Caj Fasiliti Kompleks	930,000	786,000	126,000
Caj Stor	42,900	42,900	41,800
Caj Stor (Live Stock)	54,000	54,000	56,500
Caj Vendors	5,400	5,400	5,400
Sewa Meja Ikan	259,000	238,350	269,500
Sewa Telephone Tower	105,120	108,270	111,420
Sewa Pejabat Kompleks	43,200	43,200	43,200
Chill Box Rental	16,500	16,200	16,350
Caj Fasiliti Kantin	26,400	24,200	26,450
Caj Kuarters Kakitangan	95,400	95,400	95,400
Caj Fasiliti Tempat Letak Kereta	116,169	100,423	97,118
Caj Ruang Borongan	109,500	117,500	112,500
Sewa Tanah	72,000	76,500	105,711
Caj Loading/Unloading	82,087	93,032	96,457
<b>Jumlah</b>	<b>1,957,676</b>	<b>1,801,375</b>	<b>1,203,806</b>

Sumber: Rekod SAFMA

**Jadual 5.4**  
**Bangunan/Fasiliti Yang Disewakan Dan Caj Yang Dikenakan**

Bil.	Jenis Fasiliti/Bangunan	Bilangan (Buah/Unit/Lot)	Caj Sewaan (RM)
<b>1. Premis/Bangunan</b>			
1.1.	Kompleks Perikanan	3 Buah*	7,000-60,000/Unit Sebulan
1.2.	Premis/Kuarters/Ruang Niaga	12 Lot	1,500 – 2,500/Lot Sebulan
<b>2. Fasiliti (Kota Kinabalu)</b>			
2.1.	Bilik Sejuk	7 Unit	5,000 – 10,000/Unit Sebulan
2.2.	Ruangan Pemprosesan	1 Lot	4,000/Lot Sebulan
2.3.	Kantin	1 Unit	2,300/Lot Sebulan
2.4.	Menara	3 Unit	1,760 – 4,025/Unit Sebulan
2.5.	Ruang Borongan	21 Lot	500/Lot Sebulan
2.6.	Meja Ikan	67 Lot	350/Lot Sebulan
2.7.	Ruangan Terbuka	7 Lot	300/Lot Sebulan
2.8.	Chill Box	12 Lot	150/Lot Sebulan

Sumber: Rekod SAFMA

Nota: \* - 3 buah Kompleks Perikanan SAFMA (Labuan, Tawau dan Semporna)

#### a. Penyewaan Kompleks Perikanan Semporna

Pengurusan Kompleks Perikanan Semporna telah diserahkan oleh Ko-Nelayan kepada SAFMA. Bagaimanapun, SAFMA telah menyewakan kompleks tersebut kepada sebuah syarikat (penyewa) untuk tempoh 5 tahun berkuat kuasa mulai 1 September 1999 sehingga 31 Ogos 2004 dengan kadar sewa sejumlah RM7,000 sebulan.

- Pada 30 Ogos 2004, SAFMA telah bersetuju untuk memperbaharui perjanjian penyewaan berasaskan bulan ke bulan (*month to month basis*) dengan kadar sewa yang sama. SAFMA telah mengambil keputusan untuk tidak memperbaharui perjanjian penyewaan pada 31 Disember 2004 setelah penyewa gagal untuk menjelaskan tunggakan sewa dan caj lain berjumlah RM68,037 setakat 30 Ogos 2004. Bagaimanapun, penyewa tidak mengosongkan/menyerahkan kompleks tersebut kepada SAFMA. Oleh itu, pada 13 April 2005 pengurusan SAFMA telah mengambil tindakan mahkamah terhadap penyewa untuk menuntut tunggakan sewaan dan mendapatkan perintah supaya penyewa mengosongkan Kompleks Perikanan Semporna dan menyerahkan balik kompleks tersebut kepada SAFMA.
- Mahkamah Seksyen Tawau melalui satu Perintah bertarikh 7 Oktober 2009 telah memutuskan bahawa penyewa hendaklah membayar sewa bagi tempoh Februari 2004 hingga Disember 2004 berjumlah RM75,037 kepada SAFMA dan juga sewa pada kadar RM14,000 sebulan mulai 1 Januari 2005 sehingga penyewa menyerahkan semula kompleks tersebut kepada SAFMA. Setakat 31 Disember 2011, tunggakan sewa berjumlah RM1.16 juta masih belum dijelaskan seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**  
**Tunggakan Sewa Yang Belum Dibayar Oleh Penyewa Setakat Bulan Ogos 2012**

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
1.	Sewa Dan Caj Lain Yang Tertunggak Dari Februari 2004 Hingga 31.12.2004	75,037
2.	Sewa Bulanan Dari 1.1.2005 Hingga 31.12.2011 Pada Kadar RM14,000 Sebulan (84 Bulan x RM14,000)	1,176,000
3.	Jumlah Dibayar Pada 28.10.2009	(94,000)
<b>Jumlah</b>		<b>1,157,037</b>

Sumber: Rekod SAFMA


- Lawatan Audit ke Kompleks Perikanan Semporna telah dijalankan pada 26 Mac 2012 dan temubual dengan pegawai SAFMA mendapati penyewa telah meninggalkan premis pada tahun 2010. Kawasan tersebut dijaga oleh pegawai keselamatan swasta yang dibayar oleh SAFMA secara bulanan. Antara sebab tunggakan bayaran sewa berlaku ialah kerana pihak SAFMA lewat menuntut bayaran sewa selama 11 bulan dan tiada usaha menyenggara bangunan kompleks. Kesannya, tunggakan sewa semakin meningkat sehingga RM1.16 juta. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Disember 2012, pihak SAFMA baru sahaja mendapatkan kompleks tersebut daripada penyewa sebelumnya melalui perintah mahkamah pada 26 April 2012. Tunggakan sewa berjumlah RM1.16 juta telah dirujuk kepada peguam untuk tindakan selanjutnya. Sementara itu, Ahli Lembaga Pengarah SAFMA telah meluluskan untuk menyewakan semula kompleks ini kepada anak syarikatnya iaitu Labuan Fisheries (M) Sdn. Bhd.**

**b. Pengurusan Premis/Bangunan Dan Fasiliti Yang Disewa (Kota Kinabalu)**

Setiap premis/bangunan dan fasiliti yang disewa perlu diurus dengan teratur supaya penyewa dapat menggunakan dengan baik.

- i. Lawatan Audit pada 5 dan 21 Mac 2012 mendapati, premis/bangunan dan fasiliti yang disewa di Kompleks Perikanan Kota Kinabalu tidak diurus dengan baik seperti ruang terbuka untuk menyimpan bakul ikan tidak disediakan petak khas dan lot meja ikan tidak dipantau. Kesannya, penyewa meletakkan bakul ikan di merata tempat menyebabkan laluan orang menjadi sempit dan penjaja menjual ikan bukan di tempat yang disediakan seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**.

**Gambar 5.1**  
**Tempat Sepatuunya Meletak Bakul Ikan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan, Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.2**  
**Bakul Ikan Diletakkan Merata-Rata**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan, Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.3**  
**Lot Meja Ikan Yang Dikhaskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 21 Mac 2012

**Gambar 5.4**  
**Penjaja Menjual Ikan Di Luar Kawasan Lot**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 21 Mac 2012

- ii. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Disember 2012, penambahan bakul ikan oleh setiap pemilik kapal yang semakin bertambah menyebabkan kesesakan pada ruang penyimpanan bakul ikan. Keadaan ini mengakibatkan ruang penyimpanan bakul ikan terhad, bakul ikan berselerak dan mengambil masa untuk disusun semula. Bagaimanapun, pihak SAFMA akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengatasi masalah ruang penyimpanan bakul tersebut.**

c. **Penyenggaraan Kompleks Perikanan SAFMA**

- i. Penyenggaraan aset dan harta benda syarikat hendaklah dilaksanakan secara berjadual atau berkala bagi memastikan aset dan harta benda syarikat dapat digunakan secara optimum. Semakan Audit mendapati, SAFMA telah menyenggara Kompleks Perikanan Kota Kinabalu pada tahun 2010 dan 2011 dengan kos masing-masing berjumlah RM239,780 dan RM363,500. Kerja yang

dilaksanakan adalah menyenggara bangunan dan loji ais, meratakan lantai dan membuat sempadan untuk setiap lot meja ikan. Lawatan Audit pada 5 dan 26 Mac 2012 di Kompleks Perikanan Kota Kinabalu dan Kompleks Perikanan Semporna mendapati, bangunan telah usang akibat tidak disenggara secara menyeluruh seperti di **Gambar 5.5** hingga **Gambar 5.8**.

**Gambar 5.5**  
**Atap Bangunan Bocor Dan Gelagar Besi Berkarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.6**  
**Menara Ditumbuhi Rumput**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.7**  
**Bangunan Usang Dan Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Semporna  
Tarikh: 26 Mac 2012

**Gambar 5.8**  
**Atap Bangunan Rosak Dan Bocor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Semporna  
Tarikh: 26 Mac 2012

- ii. Kesannya, air hujan memasuki ruang dalaman bangunan menyebabkan lantai menjadi licin dan berbahaya kepada kakitangan dan pelanggan serta mencemarkan nama baik SAFMA di mata masyarakat. Selepas teguran Audit, kerja menyelenggara dan membaik pulih bumbung rosak di Kompleks Perikanan Kota Kinabalu sedang dilakukan. Bagi Kompleks Perikanan Semporna pula, pihaknya bercadang untuk menaik taraf atau membangunkan semula kompleks tersebut.

#### **5.4.2.2. Pengurusan Penjualan Minyak Diesel, Ais Dan Air**

SAFMA menyediakan perkhidmatan *bunker* seperti minyak diesel bersubsidi, ais dan air yang beroperasi 24 jam bagi meringankan beban dan memudahkan para nelayan mendapatkan perkhidmatan tersebut.

##### **a. Penjualan Minyak Diesel**


Kerajaan telah melantik Ko-Nelayan sebagai agen untuk menjual minyak diesel pada harga subsidi iaitu RM1.25 seliter. Oleh itu, Ko-Nelayan telah membuat perjanjian dengan SAFMA untuk menggunakan kemudahan jeti menjual minyak diesel kepada para nelayan. Sebagai imbuhan, SAFMA mendapat komisen berjumlah 2 sen bagi setiap penjualan seliter minyak diesel. Komisen daripada penjualan minyak diesel telah menjana pendapatan kepada SAFMA masing-masing berjumlah RM303,536, RM296,989 dan RM306,097 bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Perjanjian penggunaan kemudahan jeti telah tamat tempoh pada 31 Disember 2010 dan masih belum diperbaharui. Selain itu, pihak SAFMA tidak menjalankan pemeriksaan terhadap meter pam minyak diesel untuk dibandingkan dengan penyata penjualan diesel bagi mengesahkan ketepatan komisen yang diterima. Setakat 31 Disember 2011, Ko-Nelayan masih belum membayar komisen dan caj elektrik berjumlah RM49,419 kepada SAFMA.
- ii. Antara sebab yang dikenal pasti adalah perjanjian sewa tidak dipantau, tiada pegawai khas yang ditugaskan memantau penjualan diesel dan tiada surat tuntutan bayaran komisen dikeluarkan. Selepas teguran Audit, perkara ini telah diatasi melalui perjanjian yang diperbaharui dan tunggakan telah dijelaskan sepenuhnya oleh pihak Ko-Nelayan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Disember 2012, seorang kakitangan SAFMA telah dilantik untuk mengesahkan bacaan pam meter diesel.**

##### **b. Penjualan Ais**

SAFMA memiliki loji ais di setiap kompleks perikanannya. Operasi pemprosesan dan penjualan ais di kompleks perikanan Tawau, Semporna dan Labuan diuruskan oleh penyewa yang telah mengikat perjanjian dengan SAFMA. Manakala, operasi pemprosesan dan penjualan ais di Kompleks Perikanan Kota Kinabalu diurus sendiri oleh SAFMA. Loji ais Kompleks Perikanan Kota Kinabalu dilengkapi dengan bilik sejuk dan ruang pemprosesan yang telah beroperasi melebihi 25 tahun. Kapasiti pengeluaran loji ais tersebut adalah berjumlah 40 tan atau 288/140kg blok ais sehari atau 105,120 blok setahun. Semakan Audit terhadap rekod penjualan ais mendapati pengeluaran ais untuk tempoh 7 tahun menunjukkan trend penurunan iaitu daripada 72,411 blok ais pada tahun 2005 kepada 43,098 blok pada tahun 2010.

Bagaimanapun, pengeluaran ais meningkat kepada 45,782 pada tahun 2011 seperti di **Carta 5.3**.



Sumber: Rekod SAFMA

- i. Penurunan pengeluaran ais bagi tahun 2005 hingga 2010 adalah disebabkan mesin yang digunakan telah beroperasi melebihi 25 tahun, ais rosak dan acuan ais bocor serta berkarat seperti di **Gambar 5.9**. Kesannya, pengeluaran ais merosot/tidak mencapai tahap maksimum kapasiti pengeluaran loji ais mengakibatkan hasil pendapatan penjualan ais semakin berkurangan. Bagaimanapun, pada bulan Jun 2011 sebahagian acuan ais telah dibaiki menyebabkan berlaku peningkatan pengeluaran ais. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Disember 2012, pihak SAFMA telah bersetuju untuk membuat perjanjian usaha sama dengan pihak swasta bagi mengurus dan menaik taraf loji ais SAFMA.**



**Gambar 5.9  
Gambar Acuan Ais  
Berkarat Dan Bocor**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

### c. Penjualan Air

Penjualan air di jeti SAFMA Kota Kinabalu dijalankan melalui 3 pam air dengan kadar caj RM4.70/1000 liter. SAFMA telah melantik seramai 4 agen penjual air dari tahun

2006 hingga 2011 untuk menjual air bagi pihaknya. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Pihak SAFMA tidak menyediakan perjanjian untuk mengikat kontrak dengan 3 agen terdahulu yang telah ditamatkan perkhidmatannya dan masih mempunyai tunggakan berjumlah RM76,472. Kesannya, tuntutan tunggakan daripada agen yang telah ditamatkan perkhidmatannya adalah agak sukar kerana tiada perjanjian yang sah.
- ii. Pada tahun 2011, pihak SAFMA telah melantik kelab SAFMA sebagai agen tunggal menjual air di SAFMA Kota Kinabalu. Selepas teguran Audit, pihak SAFMA telah menamatkan perjanjian dengan kelab SAFMA untuk mengelakkan *conflict of interest* serta mengambil tindakan dengan mengemukakan tuntutan tunggakan kepada 3 agen terdahulu. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Disember 2012, pelantikan agen baru bagi penjualan air akan dikemukakan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Manakala, tunggakan hutang telah dijelaskan sepenuhnya oleh agen-agen berkenaan.**

#### 5.4.2.3. Pengurusan Pasar Mini Kota Kinabalu

- a. Salah satu objektif SAFMA adalah membantu memasarkan hasil tangkapan para nelayan untuk dikomersialkan. Selaras dengan objektif tersebut, pengurusan SAFMA telah membuka pasar mini yang terletak di kawasan SAFMA Kota Kinabalu seperti di **Gambar 5.10**.



**Gambar 5.10  
Pasar Mini SAFMA**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

- b. Sasaran pasaran produk pasar mini adalah penduduk tempatan dan pelancong. Semakan Audit mendapati pemprosesan hasil laut yang dihasilkan adalah berskala kecil dan kurang berkembang. Mengikut lejar SAFMA, pasar mini telah mencatat kerugian setiap tahun iaitu RM52,523, RM44,336 dan RM39,054 masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Selain itu, kadar pusingan stok hasil laut adalah perlahan bagi tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 5.6**. Antara sebab yang dikenal pasti adalah tiada kajian harga pasaran dan tiada plan strategik yang

komprehensif disediakan bagi mengembangkan produk penjualan hasil laut. Kesannya, jualan hasil laut keluaran SAFMA tidak berkembang.

**Jadual 5.6**  
**Kadar Pusingan Stok Yang Perlahan**

Tahun	Nilai Stok Permulaan (RM)	Kos Penjualan (RM)	Nilai Stok Penutupan	Kadar Pusingan Stok
2009	149,294	239,875	75,180	2.1
2010	75,180	221,088	213,700	1.5
2011	213,700	252,530	208,860	1.2

Sumber: Rekod SAFMA

- c. Pemeriksaan Audit mendapati, SAFMA telah menjalankan pemeriksaan stok hasil laut yang dijual antara 2 hingga 4 kali dalam tahun 2009 hingga 2011. Melalui pemeriksaan yang dijalankan, terdapat perbezaan antara baki fizikal dan rekod iaitu 20 hingga 22 jenis hasil laut yang dijual. Bagaimanapun, tindakan terhadap perbezaan yang dikenal pasti tidak diambil oleh pihak SAFMA.
- d. Susulan Audit pada 19 April 2013 mendapati, pasar mini telah disewakan kepada syarikat swasta bagi tempoh 5 tahun berkuat kuasa mulai bulan Julai 2012 hingga Jun 2017 dengan kadar sewa RM8,000 sebulan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti SAFMA adalah memuaskan kecuali kompleks tidak disenggara dengan sewajarnya.**

#### **5.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SAFMA mendapati perkara berikut:

##### **5.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah bermesyuarat masing-masing 5 kali pada tahun 2009 dan 2010 dan 4 kali pada tahun 2011. Selain itu, mesyuarat khas sebanyak 6 kali juga diadakan pada tahun 2010 dan 2 kali pada tahun 2011. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan kecuali seorang pengarah yang hanya menghadiri 9 daripada 22 mesyuarat yang diadakan bagi tempoh 2009 hingga 2011. Selain daripada ahli Lembaga Pengarah, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat dan Pengurus Besar SAFMA.

#### **5.4.3.2. Mesyuarat Tahunan**

Selain mesyuarat Lembaga Pengarah, SAFMA telah mengadakan mesyuarat agung tahunan seperti mana yang dikehendaki oleh Seksyen 143, Akta Syarikat 1965. Bagi menerima Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 yang telah diaudit, SAFMA telah mengadakan mesyuarat agung tahunan pada 29 Jun 2010. Manakala, untuk menerima Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 yang diaudit, mesyuarat agung tahunan telah diadakan pada 28 Jun 2011.

#### **5.4.3.3. Sistem Dan Prosedur**

Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh, dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Di samping itu, ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu syarikat dalam mencapai misi dan objektifnya. Semakan Audit mendapati, selain menerima pakai Akta Syarikat 1965, SAFMA juga mempunyai Manual *Standard Operating Procedures (SOP)* dan *Terms And Conditions Of Service*. Bagaimanapun, SOP dan *Terms And Conditions Of Service* tersebut tidak kemas kini. **Berdasarkan maklum balas pada 10 Disember 2012, satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji dan membuat cadangan meminda SOP dan Terms And Conditions Of Services untuk menangani perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit.**

#### **5.4.3.4. Pembayaran Bonus**

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus bagi syarikat induk dan semua syarikat subsidiari masing-masing perlu diluluskan oleh lembaga pengarah syarikat induk atau badan berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri masing-masing untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati untuk tahun 2009 hingga 2011 bonus dan bantuan khas berjumlah RM172,947 telah dibayar kepada kakitangan SAFMA. Semakan lanjut mendapati pembayaran bonus tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah SAFMA, tetapi tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. **Berdasarkan maklum balas pada 10 Disember 2012, sebelum ini pihak SAFMA tidak menyedari bahawa adanya arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 yang menetapkan peraturan mengenai pembayaran bonus. Pihak SAFMA akan memohon kelulusan Kementerian Kewangan Negeri sebelum membuat pembayaran bonus mulai tahun 2012.**

#### **5.4.3.5. Pembayaran Dividen**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun

kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi jangkaan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati SAFMA tidak membuat bayaran dividen kepada pemegang saham iaitu Ko-Nelayan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 kerana masih mengalami defisit dalam dana pemegang saham. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab mendapati SAFMA belum pernah mengisyiharkan bayaran dividen sejak beroperasi.

#### **5.4.3.6. Pengurusan Kewangan**

Pengurusan kewangan yang cekap adalah penting di mana sesebuah organisasi perlu memenuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperoleh dan menggunakan sumber berdasarkan kepada objektif tertentu. Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan SAFMA adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

- a. Wang deposit berjumlah RM0.5 juta oleh pemaju bagi pembangunan tanah di Kota Kinabalu yang terletak bersebelahan pasar besar belum dikembalikan oleh pengurusan SAFMA. Perkara ini akan dirujuk semula kepada Peguam Negeri Sabah untuk mendapatkan pandangannya.
- b. Sebanyak 63 unit aset seperti *shelf plate freezer*, komputer, mesin fotostat, telefon mudah alih dan mesin faks bernilai RM354,755 tidak dapat dikesan kewujudannya. Selain itu, pihak pengurusan SAFMA tidak mengambil tindakan untuk mengesan aset tersebut. **Berdasarkan maklum balas pada 10 Disember 2012, sebanyak 61 aset melebihi 20 tahun (RM342,447) dan 2 aset melebihi 10 tahun (RM12,308) telah dikenal pasti dan boleh dilupuskan sebagai barang scrap. Pada masa yang sama, satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat verifikasi terhadap aset tersebut bagi tujuan pelupusan.**
- c. Pelupusan aset tidak pernah dijalankan terhadap aset syarikat yang usang seperti Gambar 5.11 hingga Gambar 5.14. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Disember 2012, satu unit jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji dan meminda arahan SOP mengenai pelupusan aset.**

**Gambar 5.11**  
**Aset Yang Rosak Di Stor Pejabat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.12**  
**Mesin Fotostat Yang Rosak Di Luar Pejabat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.13**  
**Alat Timbang Yang Rosak Di Kilang Ais**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

**Gambar 5.14**  
**Electric Strapping Machine Yang Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perikanan Kota Kinabalu  
Tarikh: 5 Mac 2012

#### d. Pemantauan Terhadap Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pemantauan terhadap anak syarikat adalah penting supaya kepentingan pelaburan sentiasa terpelihara. Sebagai syarikat induk, SAFMA perlu memantau pengurusan 4 anak syarikatnya agar pengurusan anak syarikat senantiasa ke arah mencapai objektifnya. Daripada 4 anak syarikat, 2 syarikat adalah dorman, satu masih aktif dan satu lagi belum beroperasi. Berdasarkan laporan penyata kewangan tahun 2010, Syarikat Labuan Fisheries (M) Sdn. Bhd telah mencatatkan keuntungan tetapi tidak mengisytiharkan dividen dan dibayar kepada SAFMA. Bagaimanapun, 2 anak syarikat tidak mengemukakan penyata kewangannya kepada SAFMA untuk perhatian dan tindakan pihak pengurusan SAFMA. Dua anak syarikat yang dorman telah dirujuk kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk tindakan penggulungan (*winding up*). Pada 31 Disember 2011, pelaburan berjumlah RM0.5 juta di 3 buah syarikat telah mengalami kerugian. **Berdasarkan maklum balas pada 10 Disember 2012, Semporna Fisheries hanya boleh dibubarkan oleh Suruhanjaya Syarikat**

**Malaysia (SSM). Manakala, SAFMA Fishing Sdn. Bhd. sedang dalam proses pembubaran.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat SAFMA adalah memuaskan kecuali pembayaran bonus tidak dirujuk kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dan pelupusan aset usang tidak dijalankan.**

## **5.5. SYOR AUDIT**

Bagi memantapkan pengurusan syarikat dari aspek pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA) mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.5.1.** Mempertingkatkan prestasi kewangan dan berusaha dengan lebih giat untuk mengurangkan defisit ekuiti.
- 5.5.2.** Mempergiatkan lagi pemantauan terhadap pengurusan aktiviti utama supaya kelemahan yang wujud dapat dikenal pasti dan ditangani dengan segera.
- 5.5.3.** Mengambil tindakan segera terhadap perkara berbangkit dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.
- 5.5.4.** Mempertingkatkan pemantauan terhadap anak syarikat agar anak syarikat dapat menyumbang pendapatan kepada SAFMA melalui pembayaran dividen.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah pemantauan kurang berkesan, kekurangan sumber tenaga untuk pemeriksaan dan penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kelemahan penguatkuasaan aktiviti di bawah kawalan Jabatan dan *Standard Operating Procedure* tidak komprehensif bagi Syarikat Agensi Kerajaan Negeri. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**5 Jun 2013**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)